

**PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN MASYARAKAT MELAYU
TERENGGANU 1950AN–1970AN**

***MARRIAGE AND DIVORCE AMONG THE MALAYS IN TERENGGANU
BETWEEN THE 1950s–1970s***

Roslelawati Abdullah^{1*} and Nordin Hussin²

^{1,2} Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: roslelawati.abdullah@gmail.com

Isu ketidakstabilan dalam institusi perkahwinan orang Melayu menjadi satu isu yang hangat dibincangkan khususnya sekitar 1950an hingga 1970an. Kadar perceraian yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu pada masa itu telah menarik perhatian pelbagai pihak. Namun, kajian mengenai perkahwinan dan perceraian masih sangat kurang dilakukan oleh para sejarawan. Untuk mengisi jurang ini, kajian ini diketengahkan dengan memberi tumpuan khusus kepada masyarakat Melayu di negeri Terengganu sekitar tahun 1950an hingga 1970an. Tujuan kajian ialah untuk menganalisa permasalahan yang timbul dalam institusi perkahwinan masyarakat Melayu Terengganu serta mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi punca permasalahan tersebut. Turut dibincangkan ialah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Pejabat Agama Negeri Terengganu dalam menangani permasalahan ini. Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan arkib dan perpustakaan untuk mendapatkan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkahwinan dan perceraian orang Melayu di Terengganu dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu faktor ekonomi dan sosial.

Kata kunci dan frasa: orang Melayu, perceraian, perkahwinan, sejarah sosial, sejarah Terengganu

Instability in the Malay institution of marriage was a hot issue discussed during the 1950s to 1970s. The high divorce rates among the Malay community at that time attracted the attention of various quarters. However, there was little research conducted on marriage and divorce by local historians. To fill this gap, this study is presented by focusing on the Malay community in the state of Terengganu during the 1950s to 1970s. The study aims to analyse the problems that arise in the marriage institution among the Terengganu Malay community and to identify the factors that had caused these problems. In addition, this study also discusses the efforts taken by the Terengganu State Islamic Religious Affairs Department in addressing the problems. This study utilises archival and library research to obtain data. The findings indicate that marriage and divorce among

the Malays in Terengganu were affected by two main factors, namely the economic and social factor.

Keywords and phrases: Malays, divorce, marriage, social history, history of Terengganu

PENGENALAN

Kajian mengenai isu perkahwinan dan perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu sangat jarang dilakukan oleh sejarawan. Barangkali disebabkan isu ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan sejarah sosial yang tidak begitu menarik perhatian berbanding sejarah politik. Kemungkinan juga ramai yang berpandangan bahawa tiada sumber yang cukup untuk mengkaji isu ini.¹ Setakat yang diketahui, satu-satunya kajian sejarah tentang perkahwinan dan perceraian orang Melayu yang pernah diterbitkan ialah hasil tulisan Abu Talib Ahmad (1998), *Marriage and Divorce in Johore Among the Malay-Muslims during the Japanese Occupation, 1942–45*.² Abu Talib menerusi kajiannya ini telah menggunakan rekod Pejabat Agama Johor dan Pejabat Kadi Besar Johor sebagai sumber utama untuk membincangkan pengaruh kegawatan politik dan sosioekonomi ke atas isu perkahwinan dan perceraian masyarakat Melayu Johor ketika zaman pendudukan Jepun. Selain itu, kajian beliau turut memberi perhatian kepada peranan yang dimainkan golongan elit agama dalam menangani permasalahan tersebut. Menggunakan pendekatan yang sama tetapi dengan tempoh dan tempat yang berbeza, kajian ini pula secara khusus cuba untuk melihat isu perkahwinan dan perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu di negeri Terengganu sekitar tahun 1950an hingga 1970an. Sumber primer utama yang digunakan ialah fail Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Terengganu 1949–1973 dan fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu Jilid II (1954–1982) yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia (ANM) cawangan Terengganu.

Hal ehwal perkahwinan mahupun perceraian lazimnya lebih dianggap sebagai norma hidup dalam sesebuah masyarakat. Bagi masyarakat Melayu di negara ini misalnya, perceraian yang berlaku dalam kalangan suami isteri disifatkan sebagai satu perkara biasa dalam kehidupan berumahtangga kerana perceraian bukanlah satu perkara yang dilarang dalam agama Islam. Namun sebagai penganut Islam, orang Melayu juga sering diingatkan bahawa perceraian adalah perkara yang dimurkai Tuhan. Justeru adalah lebih baik bagi setiap pasangan yang menghadapi masalah dalam rumahtangga berusaha mencari jalan perdamaian dan bukan memilih perceraian sebagai jalan mudah untuk keluar daripada masalah yang dihadapi. Ironinya, kadar perceraian orang Melayu sekitar tahun 1950an hingga 1970an dikatakan agak tinggi. Ketika itu, akhbar-akhbar dan majalah memberi liputan yang luas tentang isu tersebut.³ Angka-angka nikah cerai turut dimuatkan di akhbar-akhbar.⁴ Di sesetengah negeri seperti Kedah dan Johor, masalah perceraian turut mendapat perhatian anggota Majlis Mesyuarat

Negeri.⁵ Rentetan perkembangan ini, pelbagai reaksi telah diberikan khususnya oleh Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu yang dilihat sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam perkara ini. Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu di setiap negeri telah diarah menghantar laporan berkenaan jumlah perceraian, rujuk dan sebab-sebab perceraian yang berlaku di negeri masing-masing.⁶

Senario ini membayangkan petanda jelas tentang masalah perceraian orang Melayu yang disifatkan sebagai satu isu yang besar ketika itu. Walau bagaimanapun, angka perceraian yang tinggi tidak boleh digeneralisasikan untuk semua orang Melayu di negara ini pada masa itu kerana kadar perceraian yang direkodkan sebenarnya menunjukkan jumlah perbezaan yang besar di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Rekod nikah cerai yang diperolehi lewat tahun 1940an hingga 1957 menunjukkan bahawa negeri-negeri di pantai timur memiliki kadar perceraian yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri di pantai barat Semenanjung.⁷ Kadar perceraian di Selangor dan Perak di antara tahun 1948 hingga 1957 masing-masing hanyalah sekitar 36.29% dan 45.61%. Manakala Kelantan pula muncul sebagai negeri yang memiliki kadar perceraian tertinggi apabila sebanyak 70.96% kes perceraian berbanding perkahwinan direkodkan di negeri tersebut pada tempoh yang sama diikuti Terengganu sebagai negeri yang memiliki jumlah perceraian kedua tertinggi dengan kadar perceraian berjumlah 71.27% (Gordon, n.d.: 26).

Perbezaan kadar perceraian ini menunjukkan wujudnya faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi kestabilan perkahwinan orang Melayu di setiap negeri di negara ini. Apatah lagi, negeri-negeri yang kurang membangun didapati memiliki kadar perceraian yang lebih tinggi. Justeru berlatarbelakangkan keadaan ini, maka ia amat menarik perhatian bagi menganalisa kebarangkalian hubungan di antara faktor-faktor tersebut dengan isu atau permasalahan-permasalahan yang wujud dalam perkahwinan dan perceraian masyarakat Melayu. Pemilihan negeri Terengganu dibuat kerana beberapa sebab. Pertama, majoriti daripada penduduk di negeri ini adalah terdiri daripada kalangan orang Melayu. Kedua, kadar perceraian yang direkodkan di negeri ini antara tahun 1950an hingga 1970an adalah antara kadar yang tertinggi di negara ini. Seterusnya yang ketiga, negeri Terengganu merupakan antara negeri termiskin di Semenanjung pada masa itu. Ketiga-tiga faktor ini sangat menarik perhatian kerana ia membolehkan tumpuan diberikan terhadap dua fokus utama kajian iaitu orang Melayu dan juga kedudukan sosioekonomi mereka di sebuah negeri yang didominasi oleh orang Melayu itu sendiri.

Jangka waktu sekitar 1950an hingga 1970an dipilih bagi memperlihatkan apa sebenarnya permasalahan utama yang timbul dalam isu perkahwinan dan perceraian orang Melayu Terengganu dalam tempoh tiga dekad itu. Jika diperhatikan, kadar perceraian bagi masyarakat Melayu Terengganu adalah tinggi sekitar tahun 1950an dan 1960an. Manakala pada tahun 1970an, kadar perceraian yang serius di Terengganu mula menunjukkan penurunan. Selain itu, tempoh

selama tiga dekad ini juga penting kerana ia meliputi dua tempoh masa yang berbeza iaitu pra dan pasca merdeka. Justeru, tempoh ini didapati sangat menarik bagi mendedahkan punca sebenar permasalahan dalam rumahtangga orang Melayu Terengganu ketika itu yang membawa kepada ketidakstabilan dan seterusnya perceraian kerana ia memberi ruang yang cukup untuk menganalisis korelasi di antara kadar perceraian dengan tahap pembangunan sosioekonomi negeri pada era pra dan pasca merdeka. Justeru dengan menggunakan pendekatan sejarah yang menitikberatkan penggunaan sumber primer khususnya dari rekod-rekod rasmi jabatan kerajaan, kajian ini diharap dapat mengungkap realiti sebenar hakikat yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu Terengganu di sebalik isu ketidakstabilan perkahwinan mereka pada masa itu.

TERENGGANU: LATAR BELAKANG SOSIOEKONOMI 1950AN–1970AN

Negeri Terengganu terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, bersebelahan negeri Kelantan di bahagian utaranya dan Pahang di bahagian selatan. Kedudukannya yang berhadapan dengan Laut China Selatan menyebabkan Terengganu sentiasa menghadapi angin monsun Timur Laut yang kencang. Dari segi pentadbiran, Terengganu mempunyai enam daerah iaitu Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Besut, Dungun dan Kemaman.⁸ Ketika di bawah penguasaan British, Terengganu merupakan salah satu daripada lima buah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NMTB) dan seperti kebanyakan NMTB yang lain, majoriti penduduknya adalah terdiri daripada orang Melayu. Malah di antara tahun 1947 hingga 1970, Terengganu memiliki jumlah penduduk Melayu paling tinggi berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung dengan kadar mencecah lebih 90% (lihat Jadual 1).

Sekitar tahun 1950an hingga 1970an, kedudukan sosioekonomi masyarakat Melayu Terengganu berada pada tahap yang kurang memuaskan. Tahap pembangunan sosioekonomi yang rendah boleh dilihat menerusi tingkat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) perkapita negeri. Pada tahun 1965, KDNK perkapita negeri Terengganu ialah \$497 juta iaitu kadar kedua terendah di Semenanjung selepas Kelantan. Dalam tempoh 10 tahun berikutnya, kadar KDNK perkapita Terengganu masih kekal di tempat kedua terendah dengan jumlah \$592 juta pada tahun 1970 dan \$737.7 juta pada tahun 1975 (Chamhuri dan Surtahman, 1985: 84). Pendapatan negeri yang rendah secara jelas membayangkan kedudukan sosioekonomi yang mundur. Tambahan pula, Terengganu mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap sektor perikanan dan pertanian yang tidak menjamin peningkatan taraf hidup yang lebih baik dalam kalangan majoriti penduduknya yang terlibat dalam kedua-dua sektor tersebut (lihat Jadual 2).

Jadual 1: Peratus penduduk Melayu, tahun 1911–1970 di Semenanjung Malaysia

Negeri	Tahun					
	1911	1921	1931	1947	1957	1970
Johor	61.0	55.9	46.4	43.8	48.0	53.4
Kedah	80.4	70.0	66.6	68.0	67.8	70.6
Kelantan	93.8	92.6	91.2	92.1	91.6	92.4
Melaka	63.5	56.3	51.0	50.3	49.1	51.8
Negeri Sembilan	53.6	43.4	37.3	41.3	41.5	45.3
Pahang	73.4	70.0	61.7	54.3	57.2	61.2
Pulau Pinang	41.2	36.3	32.7	30.5	28.8	30.6
Perak	40.3	39.9	35.7	37.8	39.7	43.0
Perlis	90.4	85.2	80.9	78.3	78.4	79.1
Selangor	22.1	22.9	23.1	26.4	28.8	34.5
<i>Terengganu</i>	<i>97.1</i>	<i>94.7</i>	<i>91.5</i>	<i>92.0</i>	<i>92.1</i>	<i>93.7</i>
Semenanjung Malaysia	58.6	54.0	49.2	49.5	49.8	53.1

Sumber: Diubahsuaikan dari Chander (1977: 37).

Jadual 2: Pekerjaan utama penduduk mengikut negeri, tahun 1947

Negeri	Jumlah pekerja lelaki: Peratus terlibat			% Penduduk bandar berbanding jumlah keseluruhan populasi
	Pengeluaran padi	Pengeluaran getah	Perikanan	
Singapura	0.0	1.2	4.3	72.0
Pulau Pinang	44.1	6.8	10.9	25.5
Melaka	17.6	37.4	10.0	8.1
Perak	45.3	21.3	4.1	10.5
Selangor	22.1	22.0	2.6	18.1
Negeri Sembilan	41.3	31.3	0.9	7.4
Pahang	62.4	9.7	7.6	6.3
Johor	7.5	45.4	4.6	14.6
Kedah	68.8	13.9	2.9	6.7
Kelantan	64.0	7.7	6.1	5.7
<i>Terengganu</i>	<i>44.8</i>	<i>5.5</i>	<i>21.0</i>	<i>21.0</i>
Perlis	82.8	1.5	3.9	3.8

Sumber: Smith (1952: 25).

Jadual 2 menunjukkan bahawa jumlah penduduk lelaki di negeri Terengganu yang terlibat dalam sektor tanaman padi, getah dan perikanan masing-masing ialah 44.8%, 5.5% dan 21.0%. Peratus yang besar dalam industri perikanan berbanding negeri-negeri yang lain menunjukkan lebih ramai penduduk di negeri ini yang bekerja sebagai nelayan. Hal ini tidaklah begitu menghairankan memandangkan Terengganu memiliki pantai yang lebih panjang iaitu sejauh lebih 130 batu berbanding misalnya 60 batu di negeri Kelantan (Firth, 1990: 39-41). Selain itu, peratus penduduk bandar yang agak tinggi di Terengganu iaitu sebanyak 21.0% juga menarik perhatian. Meskipun kadar ini dilihat agak tinggi seperti yang berlaku di kebanyakan negeri-negeri yang lebih maju misalnya Singapura, Pulau Pinang dan Selangor, tetapi satu perkara penting yang perlu diambil kira ialah Terengganu memiliki sifat perbandaran yang berbeza. Berbanding negeri-negeri tersebut, kawasan bandar di negeri Terengganu adalah meliputi perkampungan yang luas di sepanjang pesisir pantainya yang juga merupakan tempat tinggal para nelayan (Smith, 1952: 25-26). Tidak hairanlah, empat buah bandar utama di negeri Terengganu iaitu Kuala Besut, Kuala Terengganu, Kuala Dungun dan Chukai (Kemaman) adalah terdiri daripada kawasan menangkap ikan yang utama di negeri tersebut (Fell, 1957: 60-61).

Justeru berbanding penduduk bandar negeri-negeri yang lain, kebanyakan penduduk bandar di negeri Terengganu boleh dianggap sebagai golongan yang memiliki tahap ekonomi yang lebih rendah. Apatah lagi golongan nelayan dikatakan berada dalam kelompok pendapatan terendah di Semenanjung (Firth, 1990: 29). Pada tahun 1970 misalnya, dianggarkan lebih kurang 70% nelayan hidup di dalam kemiskinan (Sulaiman, 1983: 49). Namun, satu perkara yang perlu diberi perhatian dalam membincangkan isu kemiskinan nelayan ini ialah lebih ramai nelayan di pantai timur yang hidup di dalam kemiskinan berbanding dengan nelayan-nelayan di pantai barat Semenanjung. Sebagai contoh, pada tahun 1972 purata pendapatan bagi nelayan pantai timur ialah \$59 sahaja sebulan berbanding purata pendapatan nelayan pantai barat yang dianggarkan sebanyak \$107 sebulan (Alang et al., 1980: 4). Kehidupan nelayan di pantai timur didapati lebih sukar kerana kehadiran musim tengkujuh yang memburukkan lagi hasil pendapatan mereka yang tidak menentu setiap bulan. Di sepanjang musim tersebut, pendapatan nelayan terjejas dengan teruk. Pada tahun 1976 misalnya, purata pendapatan yang diperolehi para nelayan di Terengganu pada musim tengkujuh berkurangan sekitar \$20 sahaja berbanding kira-kira \$40 sebulan di luar musim tengkujuh (Tan, 1976: 3). Malah, dalam satu kajian yang dijalankan di salah satu perkampungan nelayan iaitu di Seberang Takir, kadar kemiskinan dikatakan meningkat ke 94% di musim tengkujuh berbanding 77% pada masa bukan musim tengkujuh (Chamhuri dan Rogayah, 1979: 152-153). Lebih memburukkan keadaan, para nelayan di Terengganu juga mengalami proses perubahan teknologi yang lewat menyebabkan mereka terus menghadapi kesukaran untuk meningkatkan kedudukan ekonomi mereka. Penggunaan bot

berjin dalam kalangan para nelayan di Terengganu misalnya hanya bermula pada tahun 1950an berbanding para nelayan di pantai barat yang telahpun menggunakan bot tersebut sejak awal 1930an (Ishak, 1990: 28 29).

Tahap pembangunan sosioekonomi yang rendah di negeri Terengganu pada masa itu didapati berpunca daripada kesan jangka panjang yang dialami sejak zaman pentadbiran British. British yang meletakkan keutamaan yang tinggi kepada pembangunan sektor ekonomi kolonial telah menyebabkan wujudnya ketidakseimbangan yang besar dari segi kemajuan sosioekonomi di antara seluruh negeri di Tanah Melayu. Pembangunan sosioekonomi yang pesat tertumpu di Negeri-negeri Selat (NNS) dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) yang terangkum dalam kerangka ekonomi kolonial. Kawasan perlombongan timah dan perladangan getah yang terdapat di pantai barat iaitu bermula dari Singapura hingga ke selatan Kedah muncul sebagai sebuah ekonomi yang tinggi tahap pembangunannya. Proses pembangunan ini pula berterusan untuk satu jangka masa yang sangat panjang kerana sistem bandar yang telah diwujudkan serta pertumbuhan ekonomi yang terhasil semasa zaman awal kemasukan British inilah yang kemudiannya menjadi asas kepada pemusatan ruangan yang lebih hebat untuk beberapa dekad selepas itu (Morshidi, 1993: 13). Secara perbandingan, negeri-negeri di pantai timur khususnya Terengganu dan Kelantan telah jauh ditinggalkan dalam pembangunan sosioekonomi khususnya dari segi pembangunan infrastruktur yang sangat diperlukan untuk pertumbuhan dan pembangunan negeri seperti pengangkutan, kesihatan, bekalan air dan elektrik serta pendidikan.

Dalam kes Terengganu, negeri tersebut didapati menghadapi kesan kelembapan ekonomi dan infrastruktur yang berpanjangan terutamanya sejak separuh pertama abad ke-20. Kemudahan awam yang tersedia di negeri ini bukan sahaja tidak memuaskan bahkan sangat kurang. Selain berpunca daripada proses pembangunan negeri yang lembap, kekurangan infrastruktur juga didapati berpunca daripada keluasan negeri yang agak besar sedangkan sumber kewangan adalah terhad. Laporan Tahunan Negeri 1948 misalnya menyebut bahawa negeri ini masih tidak mempunyai bekalan air paip dan sistem kumbahan pada tahun tersebut (S.U.K.Tr. 1199/1948 Trengganu Annual Report 1948). Kesukaran dari segi perhubungan pula menyebabkan Terengganu pernah disifatkan sebagai "*the most inaccessible state in Malaya.*" Ketika itu masih tiada jalan perhubungan khasnya di kawasan-kawasan pedalaman yang menghubungkan Ulu Kemaman, Ulu Dungun, Ulu Trengganu dan Ulu Besut dengan Kuala Krai di sebelah utara dan Kuantan atau Gambang di sebelah selatan.⁹ Malah sebelum Perang Dunia Kedua sehinggalah ke tahun 1960an, negeri Terengganu dikatakan sebagai sebuah negeri yang termiskin dan kurang dikenali berbanding negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Apatah lagi, Terengganu memiliki 16 batang sungai yang setiap satunya hanya boleh dihubungi menerusi perkhidmatan feri (New Sunday Times, 2013: 30). Akibat daripada kesukaran perhubungan ini, ramai penduduk khususnya yang terdiri daripada kalangan para petani menghadapi masalah untuk

memasarkan hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan.¹⁰ Sehingga tahun 1969, penduduk Kampung Bukit Takal, Kampung Makdang dan Kampung Tebuang di daerah Kemaman masih menggunakan sampan memudiki sungai yang panjang dan memakan masa yang lama untuk menjual hasil pertanian mereka termasuk getah.¹¹ Masalah kesukaran perhubungan seperti ini dipercayai antara punca yang menyebabkan ekonomi negeri ini terus kekal dalam bidang pertanian dan perikanan.

Kelembapan dalam pembangunan sosioekonomi memberi kesan yang sangat besar terhadap penduduk di negeri Terengganu. Dalam erti kata lain, kemunduran negeri Terengganu secara keseluruhannya membayangkan kadar kemiskinan yang tinggi dalam kalangan penduduk yang majoritinya terdiri daripada orang Melayu. Pada tahun 1970, tingkat kemiskinan di Terengganu mencecah 68.9%. Kadar ini sangat tinggi berbanding kadar kemiskinan di negeri-negeri pantai barat yang berada di bawah paras 50%, khususnya di Selangor yang hanya mencatatkan 29.2% sahaja (Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, Jabatan Perdana Menteri, n.d.: 84). Faktor kemiskinan dan kesempatan hidup yang dialami menyebabkan ramai penduduk Terengganu khususnya mereka yang terlibat dalam pertanian melakukan pelbagai pekerjaan tambahan untuk menampung perbelanjaan isi rumah (lihat Jadual 3).

Jadual 3: Pekerjaan-pekerjaan petani mengikut jenis ladang, tahun 1960 di Terengganu

Jenis ladang	Jumlah	Jumlah petani							
		Di satu jenis ladang sahaja		Di ladang-ladang lain/estet		Kerja-kerja selain ladang		Di ladang lain dan kerja selain ladang	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Sawah padi	6966	2526	36	620	9	3620	52	200	3
Kebun sayur	20	20	100	0	0	0	0	0	0
Lain-lain tanaman sementara	1580	700	44	160	10	620	39	100	7
Getah	2684	1472	55	170	6	940	35	102	4
Kelapa	2086	260	12	20	1	1766	85	40	2
Dusun/Kampung	5082	1306	26	342	7	3254	64	180	3
Pertanian bercampur	11900	6228	52	692	6	4576	39	404	3
Jumlah	30318	12512	41	2004	7	14776	49	1026	3

Sumber: Penyata permulaan ke-11 Jadual 925. Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama (1962).

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, didapati 64% penanam padi di Terengganu menjalankan pekerjaan lain sama ada di dalam atau di luar sektor pertanian untuk memperolehi pendapatan sampingan bagi menampung perbelanjaan isi rumah. Tahap pengeluaran padi yang rendah menyebabkan ramai petani di negeri ini yang melakukan pelbagai kerja untuk menyara kehidupan mereka sama ada di dalam ataupun di luar sektor pertanian. Di daerah Besut misalnya, sudah menjadi kelaziman dalam kalangan penanam padi di daerah ini memiliki dusun dan kebun getah (Yap dan Dixon, 1972: 8). Selain itu, pekebun kelapa dan penoreh getah juga kebanyakannya mencari pendapatan tambahan dengan mempelbagaikan pekerjaan mereka. Bagi kedua-dua golongan ini, kebanyakannya memilih melakukan kerja sampingan selain di ladang misalnya menarik beca atau menjadi buruh sementara.¹²

Berbanding petani, tidak ramai para nelayan yang melakukan pekerjaan sampingan. Selalunya ia lebih bergantung kepada keadaan kampung tersebut. Di Seberang Takir, 61% nelayan di sini dilaporkan tidak melakukan apa-apa pekerjaan pada musim tengkujuh akibat sukar mendapatkan pekerjaan. Hanya 10% daripada mereka dikatakan terlibat dalam aktiviti pertanian seperti menanam padi, sayur-sayuran dan juga tembakau. Selebihnya pula menjalankan pelbagai jenis pekerjaan seperti membaiki bot dan pukot serta membuat ikan masin (Chamhuri dan Rogayah, 1979: 151). Justeru bagi nelayan, tanah tempat tinggal mereka yang berpasir tidak memungkinkan mereka untuk bercucuk tanam kecuali bagi mereka yang mempunyai tanah kebun sendiri. Oleh sebab itu, ramai di antara mereka yang hanya melakukan kerja-kerja sampingan seperti membaiki bot dan pukot. Isteri-isteri mereka pula menjalankan aktiviti seperti mengeringkan ikan dan membuat keropok atau proses yang bersangkutan dengannya seperti mengambil upah menyang ikan, menumbuk atau menggentel. Upah yang diterima biasanya bergantung kepada hasilnya. Sebagai contoh, upah menyang atau membersihkan ikan ialah 10 sen secupak dan biasanya untuk sepetang, seseorang itu boleh menyang antara 5 hingga 6 cupak, jadi jumlah upah yang diterima ialah antara 50 sen ke 60 sen. Sementara itu, upah menumbuk ikan pula ialah 25 sen bagi setiap lesung dan upah menggentel keropok ialah 10 sen sebatang. Meskipun upah yang diterima tidaklah besar, namun bagi isteri-isteri ini sekurang-kurangnya mereka boleh menampung perbelanjaan sekolah anak-anak atau membeli barang keperluan di dapur (Izman, 1984: 182). Semua ini menggambarkan kesusahan hidup yang dihadapi oleh keluarga nelayan. Tidak hairanlah, golongan nelayan sering dikenalpasti antara golongan yang tinggi kadar kemiskinannya. Gambaran kemiskinan misalnya dapat dilihat dengan jelas di sebuah kawasan perkampungan nelayan di Mengabang Telipot sekitar tahun-tahun 1950an. Kebanyakan rumah kecil-kecil belaka. Rumah-rumah yang agak lebih besar dipunyai oleh tauke-tauke ikan, tauke keropok, juragan, juruselam, guru dan mereka yang bekerja dengan kerajaan. Hak milik nelayan cuma rumah dan hanya sedikit sahaja dalam kalangan mereka mempunyai perahu kecil (kolek).¹³ Sementara itu, di sebuah perkampungan nelayan di Kuala Kemaman,

Profesor Ungku Aziz yang pernah membuat kajian singkatnya di kawasan itu menulis, "...rumah mereka yang buruk robak-rabit dengan atapnya pecah berketai-ketai. Warna dunia mereka kesemuanya kelabu..." (Ungku Aziz, 1959: 33).¹⁴

Satu lagi punca utama yang menghalang kemajuan dalam peningkatan taraf sosioekonomi penduduk di Terengganu ialah kemunduran dalam bidang pendidikan. Dalam konteks ini, pendidikan sebagai salah satu faktor utama dalam mobiliti sosial gagal dimanfaatkan kerana kurangnya kesedaran tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan masyarakat. Akibatnya, perkembangan pendidikan di negeri Terengganu dikatakan agak terkebelakang berbanding negeri-negeri yang lain di Semenanjung. Sehingga tahun 1915, hanya terdapat sebuah sahaja Sekolah Melayu di Terengganu dengan jumlah muridnya sekitar 80 orang yang terdiri daripada murid lelaki. Punca utama berlakunya kelewatan dalam perkembangan pendidikan ini dipercayai disebabkan oleh sikap masyarakat tempatan yang lebih mengutamakan pendidikan agama dan sistem pendidikan pondok (Khoo, 1996: 27, 31).

Walau bagaimanapun, pasca perang menyaksikan perubahan sikap masyarakat terhadap banyak perkara termasuklah pendidikan. Bilangan sekolah telah bertambah dan pendidikan terhadap anak-anak perempuan juga mula dititikberatkan. Selain wujudnya sekolah kerajaan, penduduk kampung juga mengambil inisiatif membina sendiri sekolah-sekolah untuk pendidikan anak-anak mereka. Sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah rakyat ini dikatakan mula dibina pada tahun 1951 atas saranan A. H. Hill ketika negara ini masih berada di bawah Perintah Darurat.¹⁵ Sehingga tahun 1956, terdapat 54 buah sekolah rakyat dengan bilangan pelajar seramai 2,570 orang manakala sekolah kerajaan pula berjumlah 131 buah dan jumlah pelajar mencecah 30,228 orang.¹⁶

Jadual 4 menunjukkan bilangan sekolah Melayu dan sekolah Inggeris yang terus meningkat bermula sejak tahun 1948 sehingga ke tahun 1955. Peningkatan ini membuktikan kesedaran tentang kepentingan pendidikan yang mulai tersebar secara meluas selepas Perang Dunia Kedua.¹⁷ Walau bagaimanapun berbanding sekolah Melayu, pertambahan sekolah aliran Inggeris didapati kurang memberangsangkan meskipun permintaan terhadap pendidikan Inggeris adalah menggalakkan.¹⁸ Ia berpunca daripada kekangan kewangan serta kesukaran mendapat guru-guru yang terlatih. Antara tahun 1948 hingga 1949 misalnya, negeri Terengganu hanya memiliki sebuah sahaja sekolah aliran Inggeris (bantuan kerajaan) iaitu Sultan Sulaiman English School. Senario yang sama berlaku di Kelantan pada tahun 1948 tetapi pada tahun berikutnya iaitu pada 1949 Kelantan telah pun memiliki dua buah sekolah aliran Inggeris (bantuan penuh kerajaan). Pada tahun yang sama, negeri-negeri lain di seluruh Semenanjung didapati telah memiliki bilangan sekolah Inggeris yang jauh lebih memuaskan: Johor (12); Kedah (4); Melaka (3); Negeri Sembilan (4); Pahang (6); Pulau Pinang (7); Perak (7); dan Selangor (5),¹⁹ sekaligus menyaksikan

Terengganu sebagai satu-satunya negeri yang terus ketinggalan dalam pembangunan pendidikan Inggeris.

Jadual 4: Bilangan sekolah Melayu dan sekolah Inggeris, tahun 1948 1955 di Terengganu

Sekolah	1948	1949	1950	1951	1952	1953	1954	1955
Sekolah Melayu	77	87	101	139 (36)	159 (56)	170 (67)	172 (61)	179 (40)
Sekolah Inggeris	1	1	2	2	2	2	4	6

Sumber: S.U.K.Tr. 1081/1950 Education Department: Annual Report for 1949; Fail Jabatan Pelajaran Terengganu 1947 1957.

Jadual 5 dan 6 menunjukkan bilangan sekolah aliran Melayu dan Inggeris peringkat rendah dan menengah di seluruh negeri-negeri di Semenanjung. Negeri Terengganu jelas agak ketinggalan dalam kedua-dua pendidikan Melayu dan Inggeris apabila negeri itu didapati memiliki bilangan sekolah aliran Melayu dan Inggeris yang lebih kecil berbanding negeri-negeri yang lain. Johor dan Perak merupakan dua buah negeri yang mempunyai bilangan sekolah aliran Melayu yang paling tinggi diikuti Kelantan, Kedah dan Pahang. Bagi negeri Selangor pula, bilangan sekolah aliran Melayu yang lebih kecil dari negeri Terengganu iaitu antara tahun 1968 hingga 1974 adalah disebabkan kewujudan sekolah aliran Inggeris yang jauh lebih tinggi bahkan tertinggi di antara negeri-negeri Semenanjung yang lain diikuti Perak dan Johor. Malah negeri-negeri yang lebih kecil seperti Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka (kecuali Perlis) memiliki bilangan sekolah aliran Inggeris yang lebih tinggi dari negeri Terengganu yang hanya memiliki 14 buah sekolah di antara tahun 1965 hingga 1974.

Meskipun bilangan sekolah Melayu agak kecil dan bilangan sekolah aliran Inggeris di negeri Terengganu pula statik dan tidak berubah untuk tempoh selama 10 tahun tersebut tetapi peningkatan dari segi jumlah pelajar masih tetap berlaku dan menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Jadual 7 dan 8 menunjukkan bilangan pelajar lelaki dan perempuan di sekolah bantuan penuh aliran Melayu dan Inggeris peringkat rendah dan menengah. Daripada kedua-dua jadual tersebut didapati bilangan pelajar sama ada lelaki atau perempuan mengalami peningkatan yang tinggi pada tahun-tahun pasca merdeka khususnya di sekolah-sekolah aliran Inggeris. Pada tahun 1955 misalnya jumlah pelajar lelaki dan perempuan yang direkodkan di sekolah tersebut masing-masing ialah 1643 dan 543 orang tetapi jumlah ini meningkat menjadi 4808 dan 2771 orang pada tahun 1965. Sementara itu, bilangan pelajar di sekolah aliran Melayu turut meningkat secara konsisten setiap tahun sama ada dalam kalangan pelajar lelaki ataupun perempuan.

Jadual 5: Bilangan sekolah aliran Melayu bantuan penuh dan separa bantuan (peringkat menengah dan rendah), tahun 1966-1974 di Semenanjung Malaysia

Negeri	Tahun									
	1965	1966	1967	1968	1969	1970	1971	1972	1973	1974
Johor	428	425	430	422	423	431	430	426	426	436
Kedah	298	306	305	309	313	317	322	322	324	327
Kelantan	354	350	335	348	336	329	328	330	332	333
Melaka	114	114	118	12	120	118	118	123	122	123
Negeri Sembilan	168	166	166	162	163	160	160	161	161	163
Pahang	268	250	256	250	249	247	261	273	282	279
Perak	416	410	413	411	409	407	406	408	412	413
Perlis	48	48	48	48	49	49	47	47	46	47
Pulau Pinang	98	98	95	94	91	91	94	92	91	91
Selangor	235	235	228	228	230	227	225	226	228	229
<i>Terengganu</i>	<i>220</i>	<i>227</i>	<i>228</i>	<i>235</i>	<i>242</i>	<i>245</i>	<i>250</i>	<i>247</i>	<i>245</i>	<i>247</i>

Sumber: Disesuaikan daripada Ministry of Education Malaysia, 1970; 1971; 1972; 1973;1975; 1976; 1978.

Jadual 6: Bilangan sekolah aliran Inggeris bantuan penuh dan separa bantuan (peringkat menengah dan rendah), tahun 1966-1974 di Semenanjung Malaysia

Negeri	Tahun									
	1965	1966	1967	1968	1969	1970	1971	1972	1973	1974
Johor	85	86	91	89	96	98	98	100	100	112
Kedah	66	67	68	74	79	81	84	83	84	86
Kelantan	38	41	39	39	40	36	36	38	38	38
Melaka	43	42	42	43	44	44	46	47	49	54
Negeri Sembilan	60	59	58	59	63	63	61	58	57	58
Pahang	49	48	45	43	45	46	46	46	51	49
Perak	153	157	158	158	159	161	162	162	159	159
Perlis	11	10	10	10	10	11	10	10	10	11
Pulau Pinang	70	70	73	71	74	85	84	81	83	83
Selangor	176	178	177	182	153	192	193	210	209	208
<i>Terengganu</i>	<i>14</i>	<i>14</i>	<i>14</i>	<i>14</i>	<i>14</i>	<i>14</i>	<i>14</i>	<i>14</i>	<i>14</i>	<i>14</i>

Sumber: Disesuaikan daripada Ministry of Education Malaysia, 1970; 1971; 1972; 1973;1975; 1976; 1978.

Jadual 7: Jumlah pendaftaran pelajar lelaki dan perempuan di sekolah Melayu dan Inggeris, tahun 1950 1955 di Terengganu

Tahun	Sekolah Melayu			Sekolah Inggeris		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1948	7557	3286	10843	251	43	294
1949	9504	4464	13968	263	47	310
1950	11301	5098	16399	567	182	749
1951	13132	6597	19729	723	220	943
1952	15372	7992	23264	881	263	1144
1953	17631	10238	27869	874	270	1144
1954	19629	11809	31438	1356	381	1737
1955	18620	11633	30253	1643	543	2186

Sumber: S.U.K.Tr. 1199/1948 Trengganu Annual Report 1948; S.U.K.Tr. 120/1950 Education Department: Annual Report for 1949; Fail Jabatan Pelajaran Trengganu 1947 1957.

Justeru perkembangan pasca merdeka menyaksikan pencapaian tahap pendidikan yang lebih baik di negeri Terengganu. Jika diamati, kemajuan dalam sistem pendidikan di Terengganu merupakan salah satu kesan daripada pembangunan sosioekonomi yang dikecapi masyarakat Melayu tempatan pada tahun-tahun selepas merdeka. Justeru pada tahap ini khususnya pada era 1970an, masyarakat Melayu Terengganu sudah mula menikmati taraf sosioekonomi yang lebih baik kesan daripada usaha berterusan pihak kerajaan dalam membasmi masalah kemiskinan. Salah satu petunjuk boleh dilihat dari peningkatan KDNK perkapita negeri Terengganu pada tahun 1970an. Di antara tahun 1976 hingga 1978, kadar pertumbuhan tahunan yang direkodkan didapati telah mencecah 10.9% iaitu kadar ketiga tertinggi selepas Sabah (11.7%) dan Pahang (11.3%). Perubahan yang berlaku dalam tempoh ini jelas sekali telah memperbaiki kedudukan pendapatan negeri Terengganu. Senario ini juga mencerminkan kejayaan dasar kerajaan pada masa itu untuk memajukan potensi-potensi negeri serta menyebarkan pembangunan kepada negeri-negeri yang kurang maju di pantai timur. Walau bagaimanapun dalam kes Terengganu, faktor yang lebih penting yang menyumbang kepada kadar pertumbuhan yang tinggi ketika itu ialah hasil dari pengeluaran minyak mentah yang baru bermula dan juga dari pengeluaran tanaman ladang yang telah diusahakan pada awal tahun 1970an (Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, Jabatan Perdana Menteri, n.d.: 84).

Jadual 8: Bilangan pelajar lelaki dan perempuan di sekolah bantuan penuh aliran Melayu dan Inggeris peringkat rendah dan menengah, tahun 1965-1975 di Terengganu

Tahun	Aliran Melayu			Aliran Inggeris		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1965	25612	23476	49088	4808	2771	7579
1966	27488	25561	53049	5051	2919	7970
1967	29132	27356	56488	5694	3378	9072
1968	30907	29326	60233	6459	3996	10455
1969	31029	29636	60665	7218	4689	11907
1970	31956	31007	62963	7526	4960	12486
1971	35063	33470	68533	6664	4546	11210
1972	37157	35176	72333	6194	4391	10585
1973	40062	37890	77952	5802	4150	9952
1974	43055	40403	83458	5257	3999	9256
1975	43324	41498	84822	8107	6376	14483

Sumber: Disesuaikan daripada Ministry of Education Malaysia, 1970; 1971; 1972; 1973; 1975; 1976; 1978.

Selain itu, tempoh pasca merdeka khususnya pada era 1970an juga secara keseluruhannya menyaksikan peningkatan dalam taraf kehidupan para nelayan di negeri Terengganu.²⁰ Ketika ini, penggunaan peralatan moden termasuk bot berjentera telah berlaku secara meluas. Jumlah tangkapan ikan telah bertambah kerana aktiviti menangkap ikan tidak lagi hanya tertumpu di pesisir pantai. Malah keadaan menjadi lebih baik apabila para nelayan mula mampu keluar menangkap ikan hampir sepanjang tahun, melainkan jika gelombang terlalu besar dan membahayakan. Usaha meningkatkan taraf hidup para nelayan juga dipergiatkan menerusi penubuhan MAJUIKAN pada November 1971 yang membantu menstabilkan harga ikan di pasaran. Pada tahun berikutnya pula, skim bantuan kewangan dilancarkan bertujuan meningkatkan bilangan nelayan pemilik bot dan alat penangkapan yang dikerjakan sendiri. Tujuan lain ialah untuk meninggikan pendapatan dan taraf hidup nelayan-nelayan yang kecil serta menjadikan perusahaan menangkap ikan sebagai satu pekerjaan yang menguntungkan melalui pemilikan sendiri bot, enjin dan pukot (Ishak, 1990: 31). Sementara itu, tumpuan terhadap pembinaan infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Kedua telah menyumbang kepada pembangunan prasarana yang lebih meluas dan merata kepada seluruh penduduk di negeri Terengganu termasuk golongan nelayan. Di bawah rancangan tersebut, sebanyak \$18.2 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan jalan-jalan baru dan \$7.26 juta lagi untuk memperbaiki jalan yang sedia ada. Jalan-jalan yang dibina merupakan jalan-jalan penting dalam menghubungkan kawasan-kawasan sektor utama dengan bandar-bandar bagi strategi pemasaran yang lebih baik (Jawatankuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar Negeri Terengganu, 1977: 19). Kemajuan dalam sistem

perhubungan yang menghubungkan pusat pendaratan ikan dengan pusat bandar utama telah membolehkan hasil tangkapan ikan dipasarkan ke seluruh negara, bahkan ada yang dieksport ke luar negeri sama ada dalam bentuk basah atau kering. Justeru kehidupan nelayan pada masa itu tidak lagi terpercil sebaliknya kemudahan perhubungan ini telah menghubungkan mereka dengan dunia luar yang menyumbang kepada kedudukan ekonomi yang lebih baik.


PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN MASYARAKAT MELAYU SEMENANJUNG

Sebelum analisa yang mendalam dibuat terhadap isu perceraian masyarakat Melayu Terengganu, eloklah dibincangkan terlebih dahulu kadar perkahwinan dan perceraian orang Melayu secara keseluruhannya yang berlaku sepanjang tempoh yang dikaji iaitu di antara tahun 1950an hingga tahun 1970an. Data-data ini seterusnya akan dibuat perbandingan bagi melihat sejauhmana seriusnya isu dan masalah perceraian yang berlaku dalam kalangan orang Melayu Terengganu.

Rajah 1 menunjukkan jumlah perkahwinan, perceraian dan rujuk di negeri-negeri di Semenanjung (kecuali Kedah, Perlis dan Perak) di antara tahun 1950-1973.²¹ Negeri yang mencatatkan jumlah perkahwinan paling tinggi untuk sepanjang tempoh tersebut ialah Kelantan iaitu sebanyak 212,360 perkahwinan. Malah pada tempoh yang sama juga Kelantan didapati muncul sebagai negeri yang merekodkan jumlah perceraian tertinggi iaitu sebanyak 142,867 kes. Kadar perkahwinan kedua tertinggi pula direkodkan di negeri Terengganu iaitu sebanyak 107,912 kes manakala Johor pula mencatatkan kadar perkahwinan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 107,887 kes. Negeri Terengganu didapati merekodkan kadar perceraian kedua tertinggi selepas Kelantan iaitu sebanyak 66,198 kes atau 61.34% berbanding perkahwinan. Manakala kes perceraian yang dilaporkan di negeri Johor adalah lebih rendah iaitu 27,998 kes atau 25.95%. Jumlah ini merupakan kadar cerai kedua terendah selepas Melaka yang mencatatkan kadar perceraian terendah sebanyak 23.04%. Manakala negeri-negeri lain seperti Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan mencatatkan kadar perceraian di bawah 40% sementara kadar cerai di Pahang pula ialah 49.34% (lihat Rajah 2).

Rajah 2 menunjukkan dengan jelas bahawa kadar perceraian yang tinggi berlaku di negeri-negeri yang terletak di bahagian timur Semenanjung. Di bawah pentadbiran British, negeri-negeri ini dikategorikan sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang sering disifatkan sebagai negeri-negeri yang ketinggalan dari segi pembangunan sosioekonominya berbanding Negeri-negeri Melayu Bersekutu.²² Negeri Kelantan dan Terengganu muncul sebagai dua buah negeri yang mencatatkan peratus perceraian tertinggi melebihi 60%. Oleh yang demikian berbanding negeri-negeri Semenanjung yang lain, perkahwinan dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu antara tahun 1950 hingga 1973 dilihat berada dalam keadaan yang tidak stabil selepas Kelantan.²³ Untuk butiran yang


lebih terperinci, perbincangan selanjutnya akan menganalisa jumlah perkahwinan, perceraian dan rujuk setiap tahun yang direkodkan di negeri Terengganu untuk sepanjang tempoh kajian ini iaitu bermula dari tahun 1950 hingga 1970an.



Rajah 1: Perkahwinan, perceraian dan rujuk di negeri-negeri di Semenanjung (kecuali Kedah, Perlis dan Perak), tahun 1950-1973*

Sumber: Diubahsuai daripada Gordon (n.d.); Surat persendirian Roff, SP.176, 1959-1966; Kertas Kerja bil. 2 Seminar Kadi-kadi Seluruh Malaysia, Pusat Penyelidikan Islam Malaysia (1975). Data tidak termasuk jumlah nikah cerai tahun 1967 dan 1968).

Catatan: *Johor Tidak termasuk data nikah tahun 1958



Rajah 2: Peratus perceraian berbanding perkahwinan, tahun 1950-1973 di Semenanjung Malaysia Sumber: Diubahsuai daripada Gordon (n.d.); Surat persendirian Roff, SP.176, 1959-1966; Kertas Kerja bil. 2 Seminar Kadi-kadi Seluruh Malaysia, Pusat Penyelidikan Islam Malaysia (1975). Data tidak termasuk peratus nikah cerai tahun 1967 dan 1968).

Catatan: *Johor Tidak termasuk peratus nikah tahun 1958

PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN MASYARAKAT MELAYU TERENGGANU 1950–1957

Bagi memudahkan perbincangan dan keterangan mengenai data perangkaan perkahwinan, perceraian dan rujuk yang meliputi tempoh yang telah dinyatakan tersebut, penulis telah membahagikan tempoh masa yang dikaji kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama bermula dari tahun 1950 sehingga tahun 1957 manakala kumpulan kedua pula bermula dari tahun 1958 hingga 1976. Pembahagian kumpulan mengikut tempoh ini juga bertujuan untuk membolehkan penilaian dibuat terhadap kestabilan sesebuah rumahtangga masyarakat Melayu Terengganu dalam dua tempoh berasingan iaitu sebelum merdeka (1950-1957) dan selepas merdeka (1958-1976).

Jadual 9 menunjukkan bahawa jumlah perkahwinan paling tinggi yang dicatatkan dalam tempoh 7 tahun sebelum merdeka dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu didapati berlaku pada tahun 1951, mengatasi tahun-tahun lain dengan jumlahnya sebanyak 6,867. Lebih menakjubkan, peratus perceraian pada tahun ini berada pada kadar terendah berbanding tahun-tahun yang lain iaitu hanya 53.47% perceraian direkodkan. Malah jika kadar ini ditolak dengan jumlah pasangan yang rujuk, kadarnya hanya mencecah 43.79%, kadar paling rendah dalam tempoh ini. Sementara itu, kadar perceraian tertinggi pula dicatatkan pada tahun 1953 iaitu sebanyak 72.46%. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya

daripada jadual ini dan dengan kekecualian pada tahun 1951, didapati kadar perceraian yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu adalah sangat tinggi iaitu dalam kadar yang mencecah lebih 50% daripada 100% perkahwinan yang berlaku setiap tahun di antara tahun 1948 hingga 1957. Keadaan ini menggambarkan suatu keadaan ketidakstabilan dalam perkahwinan masyarakat Melayu Terengganu sepanjang tempoh tersebut.

Jadual 9: Terengganu: Perangkaan perkahwinan, perceraian dan rujuk, tahun 1950-1957

Tahun	Perkahwinan	Perceraian	Rujuk	Jumlah perceraian pebenar	Peratus rujuk	Peratus perceraian berbanding perkahwinan	Peratus perceraian sebenar berbanding perkahwinan
1950	5615	4009	503	3506	12.55	71.40	62.44
1951	6867	3672	665	3007	18.11	53.47	43.79
1952	5422	4029	632	3397	15.69	74.31	62.65
1953	5128	4384	668	3716	15.24	85.49	72.46
1954	5251	4101	676	3425	16.48	78.10	65.22
1955	5802	4364	812	3552	18.61	75.21	61.22
1956	5844	4243	798	3445	18.81	72.60	58.95
1957	4944	3350	575	2775	17.16	67.76	56.13

Sumber: Gordon (n.d.: 31). Bagi data tahun 1951 hingga 1955 lihat juga Penyata Tahunan Pejabat Agama Terengganu bagi Tahun 1955, S.U.K.T.R. (Gen) 386 *Religious Department Annual Report*

Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan, kedudukan ekonomi keluarga didapati mempunyai pengaruh yang besar terhadap kestabilan institusi perkahwinan masyarakat Melayu Terengganu. Sebagai contoh, keadaan ekonomi penduduk yang lebih baik pada tahun 1951 telah menyaksikan kadar perceraian turun sehingga 43.79% pada tahun tersebut berbanding 62.44% pada tahun sebelumnya. Malah, kadar perceraian yang direkodkan pada tahun tersebut adalah yang terendah berbanding tahun-tahun yang lain dalam tempoh ini. Menariknya, senario ini didapati berpunca daripada kenaikan harga getah. Pada tahun 1951, harga getah telah melonjak kepada \$169.55 per kilogram berbanding \$108.18 per kilogram pada tahun 1950 dan \$38.19 per kilogram pada tahun 1949 (Department of Statistics, 1956: 53). Oleh kerana getah merupakan tanaman kedua penting selepas padi di negeri Terengganu, maka kenaikan harga getah telah menyebabkan ramai penduduknya menikmati tahap ekonomi yang lebih baik pada tahun tersebut. Jadual 10 menunjukkan perbandingan harga getah yang lebih terperinci yang direkodkan pada tahun 1950 dan 1951.

Jadual 10: Perbandingan harga getah, tahun 1950 dan 1951 di Terengganu

Bulan	Harga getah berasap (\$)		Harga getah tidak berasap (\$)	
	1950	1951	1950	1951
Januari	52	160	50	145
Februari	55	220	52	175
Mac	54	215	52	190
April	65	200	60	170
Mei	80	150	75	100
Jun	70	135	65	105
Julai	96	125	104	110
Ogos	110	135	165	110
September	125	137	130	120
Oktober	165	140	170	132
November	120	150	210	136
Disember	140	136	160	120

Sumber: Annual report of agricultural subordinate, Dungun for the year 1950 1951. S.A.O.T 204/51 *Annual Report 1951*.

Kepentingan faktor ekonomi dalam mempengaruhi kestabilan sesebuah rumahtangga juga terbukti telah diakui oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam hal ehwal perkahwinan dan perceraian yang berlaku pada masa itu. Salah satunya ialah kenyataan yang dibuat oleh Tengku Pekerma Wira Pesuruhjaya Agama Terengganu ketika mengulas statistik nikah cerai negeri Terengganu antara tahun 1946 hingga 1953. Menerusi kenyataannya, beliau merumuskan bahawa, "Angka-angka ini menunjukkan perceraian adalah banyak berkaitan dengan kesusahan kehidupan, di dalam tahun 1951 tatkala kemakmuran am ada baik daripada ketinggian harga getah maka perkahwinan ada bertambah dan perceraian ada kurang dalam lain-lain tahun adalah sama jalannya."²⁴ Selain beliau, Pemeriksa Hal Ehwal Agama Terengganu pada masa itu, Mohd Salleh b. Haji Awang juga mempunyai pandangan yang sama. Dalam suatu syarahan agama di Masjid Abidin di Kuala Terengganu, Mohd Salleh telah mengenalpasti faktor kesempitan hidup sebagai punca utama berlakunya perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu di Terengganu. Ceramah beliau ini telah dimuatkan dalam akhbar *Warta Negara* bertarikh 26 Rabiul Akhir 1373 (1 Januari 1954) yang berbunyi:

Menurut pengamalan yang telah didapati maka garisan besar sebab-sebab terjadinya perceraian di dalam negeri ini ialah kerana kesengsaraan hidup, maka daripada akibat dari kesempitan atau sengsara hidup menyebabkan kebahagiaan rumahtangga tidak dapat didirikan dan berkucar-kacir akhirnya berpisah antara suami isteri. Dalam masa getah

mahal tahun 1951, maka menurut banci nikah cerai maka tahun ini yang banyak sekali perkahwinan daripada perceraian.²⁵

Seorang lagi individu yang berkait secara langsung dalam hal ehwal pengurusan perkahwinan dan perceraian masyarakat Melayu di Terengganu ialah Kadi Besut yang telah melontarkan pandangan beliau terhadap isu perceraian orang Melayu di negeri tersebut menerusi satu laporan yang dihantar ke Pejabat Agama Terengganu. Laporan ini antara lain menyebut:

Selalu berlaku perceraian orang laki bini ialah lapisan orang muda-muda yang mata pencariannya tidak berapa tetap maka menyebabkan kekurangan nafkah bagi menanggung anak isterinya...Jarang benar orang yang sudah tetap mata pencariannya atau sudah cukup tanggungan nafkah makan pakai anak isterinya berlaku perceraian dengan sebab perempuan itu kurang beronar...Perempuan tidak dapat tidak taat kepada suaminya selagi suaminya itu cukup tanggung nafkah makan pakainya, dalilnya kurang benar perceraian-perceraian di kalangan orang makan gaji yang gajinya cukup bagi sara hidupnya...Oleh kerana getah dan bijih itu satu daripada punca iktisad sesuatu negeri di Malaya ini maka naik turunnya angka perceraian semenjak lepas perang ini nampaknya turut sama dengan harga-harga benda yang tersebut itu. Masa getah mahal dulu dihitung panjang perceraian ada kurang tetapi semenjak getah jatuh ini angka perceraian ada menambah pula.²⁶

Manakala Mukhtar b. Long, seorang Penolong Pendaftar di Chabang Tiga dalam satu perbincangan mengenai isu perceraian orang Melayu di negeri ini telah memberi pandangannya sendiri berdasarkan pengalamannya sebagai Penolong Pendaftar. Beliau mendakwa bahawa nafkah (ekonomi) adalah punca berlaku banyaknya perceraian di negeri Terengganu. Antara lain beliau menyebut:

...dengan sebab kekurangan dan kelemahan nafkah daripada laki-laki, misalnya demikian, seorang perempuan dari masa kecil sehingga muda sebelum kahwin mereka duduk di dalam jagaan ibu bapa dengan baik, apabila telah berkahwin, lima enam bulan ia sudah mulai pandai berjalan dan kenal kawan-kawan terlebih ramai daripada masa sebelum ia kahwin daripada sini ia juga pandai hendak duduk dengan keadaan senang dan rehat maka jika suaminya itu boleh dan mampu

menanggung kehidupannya perkahwinan seumpama ini selalu menjadi baik dan kekal dan jika suaminya itu tidak mampu iaitulah kebanyakan orang-orang muda Melayu kita yang bekerja sendiri seperti ke laut dan belayar maka daripada sinilah menjadi punca perkelahian atau kebencian di antara satu sama lain, istimewa pula jika perempuan itu dirasuki pula oleh kaum keluarganya atau ibu bapanya sendiri.²⁷

Semua kenyataan di atas menjadi bukti bagaimana kedudukan kewangan atau ekonomi sesebuah keluarga sangat memainkan peranan dalam mempengaruhi kestabilan dalam institusi perkahwinan masyarakat Melayu di negeri Terengganu. Malah, fenomena yang berlaku pada tahun 1951 disifatkan sangat luar biasa apabila kadar perkahwinan yang direkodkan di Terengganu pada tahun tersebut adalah jauh lebih tinggi berbanding perceraian. Namun oleh kerana kenaikan harga getah bersifat sementara, faktor ekonomi didapati kekal sebagai salah satu punca utama berlakunya perceraian pada tahun-tahun selepasnya. Sebagai contoh, mengikut satu laporan yang dikeluarkan Pejabat Agama Islam Terengganu, peningkatan kadar perceraian sebanyak 72.46% pada tahun 1953 adalah disebabkan oleh "kesusahan hidup" (S.U.K.TR. 845/1954 Religious Department: (i) Annual Report 1953 (ii) Religious School Hours). Pada tahun tersebut, hasil pengeluaran pertanian di Terengganu merosot akibat musim kemarau. Jumlah pengeluaran padi di daerah Kuala Terengganu misalnya telah jatuh daripada 12,022,460 gantang pada tahun 1952 kepada 5,346,240 gantang sahaja pada tahun 1953 (S.U.K.TR. 1104/1953 Progress Report of State Departments). Tahun yang sama menyaksikan pendapatan para nelayan di Terengganu terjejas teruk akibat kejatuhan harga ikan berikutan perubahan dalam dasar import negara jiran, Indonesia. Harga ikan khususnya selayang, beluru dan selar kuning yang merupakan hasil tangkapan terbesar pukot tangkul didapati telah jatuh kepada harga yang paling rendah. Hal ini telah memburukkan lagi keadaan ekonomi penduduk memandangkan kebanyakan nelayan di negeri Terengganu menggunakan pukot tangkul dalam aktiviti menangkap ikan (S.U.K.TR. 1104/1953 Progress Report of State Departments).

PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN MASYARAKAT MELAYU TERENGGANU 1958–1976


Berbanding tempoh di antara tahun 1950 hingga 1957, institusi perkahwinan masyarakat Melayu Terengganu didapati lebih stabil di antara tahun 1958 hingga 1976 apabila kadar perceraian menunjukkan penurunan sekitar 50% hingga 30% (lihat Jadual 11). Penurunan kadar perceraian pada tempoh ini ditunjukkan secara jelas menerusi Rajah 3 dan senario ini dilihat selari dengan kemajuan sosioekonomi yang dinikmati masyarakat Melayu Terengganu pada tahun-tahun pasca merdeka.

Jadual 11: Perangkaan perkahwinan, perceraian dan rujuk, tahun 1958-1976 di Terengganu

Tahun	Perkahwinan	Perceraian	Rujuk	Jumlah perceraian sebenar	Peratus rujuk	Peratus perceraian berbanding perkahwinan	Peratus perceraian sebenar berbanding perkahwinan
1958	4681	2948	524	2,424	17.77	62.98	51.78
1959	4964	2933	451	2,482	15.38	59.09	50.00
1960	4868	2893	441	2,452	15.24	59.43	50.37
1961	4402	2725	408	2,317	14.97	61.90	52.64
1962	4152	2613	413	2,200	15.81	62.93	52.99
1963	4161	2416	408	2,008	16.89	58.06	48.26
1964	4297	2345	337	2,008	14.37	54.57	46.73
1965	4140	2357	322	2,035	13.66	56.93	49.15
1966	3926	2126	311	1,815	14.63	54.15	46.23
1967	2877	1418	175	1,243	12.34	49.29	43.20
1968	3974	1916	237	1,679	12.37	48.21	42.25
1969	4370	2135	238	1,897	11.15	48.86	43.41
1970	4451	2027	222	1,805	10.95	45.54	40.55
1971	4599	2083	267	1,816	12.82	45.29	39.49
1972	4908	2297	287	2,010	12.49	46.80	40.95
1973	5120	2148	304	1,844	14.15	41.95	36.02
1974	5282	2133	337	1,796	15.80	40.38	34.00
1975	4862	1978	323	1,655	16.33	40.68	34.04
1976	4909	2051	283	1,768	13.80	41.78	36.02

Sumber: Diubahsuai daripada Nor Laily (1978)

Jadual 11 menunjukkan jumlah perkahwinan tertinggi dalam tempoh kedua kajian ini ialah sebanyak 5,282 yang dicatatkan pada tahun 1974. Malah, tahun yang sama mencatatkan peratus perceraian yang terendah iaitu 34% manakala peratus perceraian tertinggi pula direkodkan berlaku pada tahun 1958. Pada tahun tersebut, kadar perceraian yang berlaku ialah 62.98% berbanding perkahwinan. Namun demikian, kadar rujuk yang tinggi pada tahun tersebut iaitu sebanyak 17.77% menyebabkan kadar perceraian sebenar tahun 1958 jatuh kepada 51.78% menjadikannya kadar perceraian sebenar ketiga tertinggi selepas tahun 1962 dan 1961 yang masing-masing mencatat 52.99% dan 52.64%.



Rajah 3: Peratus perceraian sebenar orang Melayu, tahun 1950-1976 di Terengganu

Sumber: Diubahsuai daripada Gordon (n.d.); Surat persendirian Roff, S.P.176, 1959-1966; Kertas Kerja bil. 2 Seminar Kadi-kadi Seluruh Malaysia, Pusat Penyelidikan Islam Malaysia (1975); Nor Laily (1978).

Pemerhatian secara keseluruhan menunjukkan kadar perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu bagi tempoh 1958 hingga 1976 telah menurun. Meskipun terdapat sedikit peningkatan jumlah perceraian pada tahun 1976 apabila peratus perceraian sebenar meningkat dari 34.04% kepada 36.02%, namun kadar peningkatan tersebut adalah kurang daripada 2% iaitu 1.98%.

Perbandingan di antara kedua-dua tempoh kajian mendapati bahawa kadar perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu bagi peringkat kumpulan pertama (1950-1957) adalah lebih tinggi dengan kadar perceraian setiap tahun melebihi 50%. Kadar perceraian paling tinggi mencecah lebih 80% berlaku di peringkat kumpulan pertama ini iaitu pada tahun 1953 yang merekodkan sebanyak 85.49% perceraian berbanding perkahwinan. Kadar perceraian sebenar bagaimanapun didapati lebih rendah berbanding kadar perceraian keseluruhan sekaligus menunjukkan kadar rujuk dalam kalangan pasangan yang bercerai meskipun rendah (di bawah kadar 20%) namun telah membantu menurunkan kadar perceraian yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu sepanjang tempoh tersebut. Sementara itu, peringkat tempoh yang kedua (1958-1976) selanjutnya menyaksikan kadar perceraian terus menurun meskipun pada tahun terakhir kajian iaitu pada tahun 1976 kadar ini mencatat sedikit peningkatan iaitu sebanyak 1.98%. Namun, kadar tersebut adalah sangat kecil berbanding jumlah penurunan peratus perceraian yang dicatatkan sejak tahun 1950. Malah, kadar penurunan perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu didapati berlaku lebih jelas dalam peringkat ini apabila peratus perceraian sebenar turun tidak melebihi 50% mulai tahun 1963.

Penurunan kadar perceraian pada tempoh kedua kajian ini dilihat sebagai satu tanda yang sangat memberangsangkan dalam hubungannya dengan kestabilan perkahwinan dalam kalangan masyarakat Melayu di negeri berkenaan pada sepanjang tempoh tersebut. Perkembangan ini didapati mempunyai hubungan yang kuat dengan peningkatan taraf sosioekonomi di negeri Terengganu pada tahun-tahun pasca merdeka. Statistik perbandingan negeri Terengganu antara tahun 1957 dan 1970 sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 12 secara keseluruhannya menunjukkan kemajuan sosioekonomi yang lebih baik yang dialami Terengganu dalam tempoh 13 tahun tersebut. Di antara ciri penting yang menjelaskan peningkatan taraf pembangunan sosioekonomi negeri Terengganu ialah berlakunya peningkatan peratus tenaga buruh yang tinggi di dalam perusahaan-perusahaan peringkat kedua (pembuatan dan pembinaan) dan ketiga (perkhidmatan-perkhidmatan, pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan, perdagangan dan elektrik, gas air dan perkhidmatan kebersihan) manakala pekerjaan dalam perusahaan peringkat utama (pertanian dan perlombongan) pula didapati berkurangan daripada 70.8% pada tahun 1957 kepada 62.7% pada tahun 1970. Selain itu, kesan daripada peningkatan taraf sosioekonomi juga boleh dilihat apabila kadar kematian penduduk mencatatkan penurunan daripada 14.4 setiap 1000 pada tahun 1957 ke 9.2 setiap 1000 pada tahun 1970. Penurunan kadar kematian dengan jelas menunjukkan petanda yang baik dalam peningkatan taraf sosioekonomi khususnya kemajuan dalam perkhidmatan dan teknologi kesihatan yang membawa kepada taraf kesihatan penduduk yang lebih baik. Sementara itu, kemajuan yang dikecapi dalam bidang pendidikan pula dicerminkan dengan peningkatan dalam kadar kenal huruf dalam kalangan penduduk tempatan. Pada tahun 1970, kadar kenal huruf telah meningkat kepada 48.9% berbanding 30.3% pada tahun 1957. Lebih penting lagi, kemajuan yang dikecapi dalam bidang pendidikan ini telah memberi kesan yang besar terhadap institusi perkahwinan masyarakat Melayu tempatan apabila umur penengah perkahwinan pertama bagi orang-orang perempuan di negeri ini meningkat daripada 16.3 tahun pada tahun 1957 ke 18.6 tahun pada tahun 1970. Peningkatan umur penengah perkahwinan pertama ini secara tidak langsung mencerminkan penyertaan orang-orang perempuan yang lebih ramai dalam bidang pelajaran dan juga dalam tenaga buruh (Chander, 1977: 41). Antara lain, perkembangan ini boleh dikaitkan dengan pertambahan jumlah pelajar yang semakin meningkat setiap tahun khususnya pada tahun-tahun 1960an. Jumlah peningkatan yang ketara adalah berlaku dalam kalangan pelajar perempuan. Pada tahun 1970 misalnya, seramai 31,007 orang daripada 62,963 orang pelajar di sekolah aliran Melayu adalah terdiri daripada pelajar perempuan (Ministry of Education Malaysia, 1970; 1971; 1972; 1973; 1975; 1976; 1978). Jumlah ini adalah 49.25% iaitu satu jumlah yang menghampiri 50% daripada jumlah keseluruhan pelajar aliran Melayu pada masa itu. Jumlah tersebut mencerminkan kemajuan yang besar dalam pendidikan dalam kalangan anak-anak perempuan di Terengganu kerana pada tahun 1950an,

bilangan pelajar perempuan hanyalah sekitar 30% sahaja.²⁸ Kelahiran lebih ramai wanita Melayu tempatan yang berpendidikan seterusnya menyaksikan peningkatan dalam penyertaan tenaga buruh pada tahun 1970an kesan daripada kemajuan sosioekonomi di Terengganu pada masa itu.

Jadual 12: Statistik perbandingan 1957 dan 1970 di Terengganu

	Terengganu	
	1957	1970
Distribusi komuniti (%)		
Melayu	91.9	93.6
Cina	6.6	5.5
India	1.1	0.7
Lain-lain	0.4	0.1
Nisbah jantina	99.0	98.3
Peratus populasi bandar	19.0	26.9
Kadar kasar kelahiran (tiap-tiap 1,000 orang)	41.6	36.0
Kadar kasar kematian (tiap-tiap 1,000 orang)	14.4	9.2
Umur penengah perkahwinan pertama bagi orang-orang perempuan (tahun)	16.3	18.6
Kadar kenal huruf (%)	30.3	48.9
Peratus tenaga buruh dalam:		
Perusahaan utama	70.8	62.7
Perusahaan kedua	11.0	12.2
Perusahaan ketiga	17.7	23.0

Sumber: Chander (1977: 21)

Sementara itu, peningkatan umur penengah perkahwinan pertama didapati telah memberi kesan positif ke atas kestabilan sesebuah perkahwinan apabila jumlah pasangan yang bercerai dalam kumpulan umur 15-19 tahun dan 20-24 tahun menunjukkan penurunan yang besar di antara tahun 1957 dan 1970. Pada tahun 1970, jumlah pasangan yang bercerai dalam kumpulan umur 15-19 tahun ialah 274 pasangan berbanding 1,047 pasangan pada tahun 1957. Bagi kumpulan umur 20-24 tahun pula, jumlah pasangan yang bercerai pada tahun 1970 ialah 614 pasangan berbanding 1,366 pasangan pada tahun 1957 (lihat Jadual 13). Kemosrotan angka perceraian dalam semua kategori kumpulan umur pada tahun 1970 ini secara tidak langsung mencerminkan corak perkahwinan yang lebih stabil dalam kalangan orang Melayu di negeri Terengganu pada masa itu berbanding pada tahun 1950an.

Jadual 13: Taraf perkahwinan mengikut kumpulan umur dan jantina 1957 dan 1970 di Terengganu

Kumpulan umur	1957			1970		
	Bercerai/berpisah selama-lamanya			Bercerai/berpisah selama-lamanya		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
10614	1	45	46	35	56	91
15619	175	872	1047	25	249	274
20624	482	884	1366	178	436	614
25629	343	613	956	223	370	593
30634	259	627	886	180	332	512
35639	202	624	826	126	238	364
40644	155	579	734	100	314	414
45649	167	617	784	113	397	510
50654	167	631	798	132	432	564
55659	124	419	543	96	356	452
60664	119	387	506	137	424	561
65 dan lebih	233	624	857	266	554	820

Sumber: Diubahsuaikan daripada Fell (1957:18); Chander (1977: 310).

PERANAN PEJABAT AGAMA ISLAM TERENGGANU DALAM MENANGANI MASALAH PERCERAIAN

Kadar perceraian yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu sekitar tahun 1950an hingga 1970an memberi satu petanda yang jelas berkait isu ketidakstabilan perkahwinan masyarakat Melayu tempatan pada masa itu. Di sinilah timbulnya kepentingan sebuah organisasi iaitu Pejabat Agama Islam Negeri Terengganu (PAT) sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam menangani urusan nikah cerai masyarakat Melayu di negeri tersebut. Dalam tahun-tahun 1950an hingga 1970an, isu perceraian orang Melayu sememangnya hangat diperkatakan di seluruh negara berikutan berleluasanya masalah pelacuran yang melibatkan ramai wanita muda yang telah bercerai (P.A.T 24/1373 Prostitution [Pelacuran]). Masalah perceraian ketika itu menjadi satu cabaran yang hebat kepada Pejabat Agama Islam bukan sahaja di Terengganu tetapi juga di seluruh negeri di Semenanjung apabila banyak pihak menyalahkan Pejabat Agama terhadap penularan kegiatan pelacuran di negara ini (Tuan Ruhani, 1978: 98-99). Sehubungan itu, PAT dalam usahanya menangani permasalahan ini telah mengatur beberapa langkah dan strategi bertujuan memantapkan lagi institusi perkahwinan orang Melayu di negeri Terengganu. Salah satu langkah drastik PAT ialah dengan menukar khutbah nikah dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Langkah ini telah dimulakan pada tahun 1955 dengan matlamat utamanya untuk memastikan supaya setiap bakal pengantin dapat

memahami sepenuhnya isi kandungan khutbah tersebut. Keputusan tersebut diambil sebagai mencontohi kejayaan Pulau Pinang dalam mengurangkan kadar perceraian di negeri itu pada tahun 1955 selepas tindakannya menukar khutbah nikah ke bahasa Melayu sejak Ogos 1954. Kesungguhan PAT dalam menangani isu perceraian dalam konteks ini terbukti apabila pada tahun yang sama (1955), sebanyak empat naskhah khutbah nikah dalam bahasa Melayu telah berjaya disiapkan untuk digunakan oleh jurunikah-jurunikah di negeri ini (P.A.T 141/1374 Khutbah Nikah dan Nasihat Nikah). Malah, PAT sebelum itu juga telah mengambil inisiatif mengadakan sebuah teks khas yang dinamakan sebagai "Nasihat Kepada Suami Isteri" sebagai satu lagi kaedah untuk membimbing pasangan pengantin baru dalam menjalani kehidupan berumahtangga. Teks ini ditulis oleh Mufti Terengganu Al-Saiyid Yusof Al-Zawawi dan diterjemah oleh Haji Muhammad Salleh b. Haji Awang, Pemeriksa Hal-Ehwal Agama Terengganu. Kandungan teks ini antara lain menerangkan hak-hak seorang suami yang wajib ditunaikan si isteri serta hak seorang isteri yang wajib pula ditunaikan si suami. Teks ini dibaca semasa majlis pernikahan iaitu sebelum dimulakan bacaan khutbah nikah (P.A.T 116/1373 Nasihat Kepada Suami Isteri). Tidak dapat dipastikan bilakah peraturan ini dikuatkuasakan namun dapat dikatakan bahawa ia telahpun dilaksanakan bermula dari tahun 1954.

Selain itu, PAT juga telah memperluaskan lagi peranan kadi dalam merealisasikan usaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang hal ehwal agama. Mulai tahun 1961, kadi-kadi diarahkan untuk melakukan lawatan dan juga memberi penerangan agama kepada orang ramai di dalam jajahan masing-masing (S.U.K.TR. 845/1954 Religious Dept. (1) Annual Report 1953 (2) Religious School/Hours). Dalam konteks ini, pengetahuan dan pengalaman kadi sebagai seorang yang terlibat secara langsung dalam hal ehwal nikah cerai orang Melayu telah dimanfaatkan sebaiknya untuk menjayakan matlamat PAT dalam mengurangkan perceraian dalam kalangan masyarakat tempatan. Menerusi rekod-rekod Pejabat Agama yang diteliti, syarahan mengenai topik perceraian ini banyak dilakukan oleh Kadi Besut dan juga Kadi Dungun, iaitu dua buah daerah yang sememangnya merekodkan kadar cerai yang tinggi di negeri Terengganu ketika itu.²⁹ Kadi Besut misalnya telah menyampaikan syarahan mengenai bahayanya perceraian semasa lawatan beliau ke Masjid Seberang Kastam, Besut pada tahun 1953.³⁰ Beliau juga menyampaikan syarahan tentang perkara kewajipan suami isteri serta mudharat perceraian semasa lawatannya ke Penarik, Setiu pada tahun yang sama.³¹ Manakala dalam satu ceramah bersempena Maulidur Rasul di daerah Setiu, beliau turut mengambil peluang menerangkan tentang bahaya akibat daripada perceraian di antara suami isteri yang boleh membawa kepada kerosakan masyarakat serta merebaknya kegiatan pelacuran.³² Syarahan tentang bahaya perceraian juga disampaikan semasa lawatannya ke Masjid Tembila, Besut. Antara lain, beliau menegaskan bahawa perceraian boleh mendatangkan perpecahan khususnya di antara kedua belah keluarga, memutuskan silaturrahim antara sanak-saudara serta anak-anak menjadi terbiar.³³

Ceramah yang sama disampaikan semasa lawatan beliau ke Masjid Kampung Buluh Ulu Setiu pada 6.10.1953 (S.U.K.TR. 540/1953 Visit of Kadzi's to the Rural Areas. Report of. Melawat Masjid Kampung Buluh Ulu Setiu). Sementara itu, Kadi Dungun juga telah mengambil kesempatan dalam lawatan beliau ke kampung-kampung di daerah tersebut untuk menasihatkan penduduk "dalam perkara kewajipan laki isteri supaya jauh daripada bercerai."³⁴ Menerusi laporannya ini juga didapati Kadi Dungun sentiasa memberikan penekanan terhadap kewajipan suami isteri dalam setiap ceramah di setiap kampung yang dilawati.

Selain melakukan lawatan dan memberi syarahan, kadi-kadi juga memainkan peranan dalam menghalusi semula Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian Orang Islam dan telah membuat beberapa pindaan bagi memperbaiki kelemahan sedia ada.³⁵ Peraturan baru turut diperkenalkan bagi memastikan semua Penolong Pendaftar membawa dan menunjukkan kepada kadi buku-buku yang bersabit dengan pendaftaran nikah, cerai dan rujuk serta semua surat yang berkenaan pada setiap akhir bulan untuk disemak. Langkah ini bertujuan untuk memastikan setiap pendaftaran dilakukan dengan betul sebagaimana yang telah ditetapkan.³⁶

KESIMPULAN

Keseluruhan perbincangan telah menunjukkan secara jelasnya bahawa isu-isu yang berlaku dalam hal ehwal perkahwinan dan perceraian masyarakat Melayu Terengganu sekitar tahun 1950an hingga 1970an adalah sangat dipengaruhi oleh faktor sosial dan ekonomi yang wujud dalam masyarakat tersebut. Kedua-dua faktor ini mempunyai peranan yang besar bukan sahaja dalam merangka kadar perkahwinan tetapi juga dalam mempengaruhi kestabilan sesebuah rumahtangga. Analisis keseluruhan terhadap data-data perangkaan nikah cerai di sepanjang tempoh kajian yang dibahagikan kepada dua peringkat iaitu 1950-1957 dan 1958-1976 telah menunjukkan beberapa penemuan penting yang menguatkan lagi kenyataan tersebut. Kepentingan faktor ekonomi dalam mempengaruhi kadar perkahwinan dan perceraian misalnya dapat dilihat dengan jelas berdasarkan senario yang berlaku pada tahun 1951. Daripada keseluruhan tempoh kajian, tahun 1951 telah dikenalpasti sebagai tahun yang mencatatkan jumlah perkahwinan tertinggi iaitu sebanyak 6,867 kes manakala kadar perceraian jatuh kepada 43.79% iaitu kadar perceraian sebenar terendah pernah direkodkan di negeri Terengganu dalam tempoh 15 tahun iaitu di antara tahun 1950 hingga 1966. Fenomena luar biasa yang berlaku pada tahun 1951 ini dicituskan dari kenaikan harga getah pada tahun tersebut yang telah memberi manfaat yang sangat besar kepada penduduk tempatan. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa kedudukan ekonomi mempunyai pengaruh yang besar dalam merangka kadar perkahwinan dan juga perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu pada masa itu.

Secara perbandingan, kadar perceraian yang direkodkan pada tempoh kedua kajian (1958–1976) adalah lebih rendah berbanding tempoh pertama kajian (1950–1957). Penurunan kadar perceraian pada tempoh kedua kajian membuktikan berlakunya peningkatan dalam kestabilan institusi perkahwinan masyarakat tempatan pada era pasca merdeka. Pada tempoh ini, purata kes perceraian yang berlaku telah menurun kepada 3 hingga 7 kes sehari berbanding 8 hingga 10 kes sehari pada tempoh pertama kajian (1950–1957). Ini bererti, punca permasalahan yang menyebabkan berlakunya perceraian telah berjaya dikurangkan. Hal ini menunjukkan bahawa perubahan yang berlaku dari segi sosioekonomi di sepanjang tempoh itu telah memberi kesan yang sangat positif terhadap kestabilan institusi perkahwinan orang Melayu Terengganu. Penekanan yang dilakukan oleh pihak kerajaan terhadap usaha untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat menerusi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan pada tahun-tahun pasca merdeka telah berjaya meletakkan kedudukan ekonomi penduduk di tahap yang lebih baik berbanding sebelumnya.

Selain pembinaan infrastruktur yang mempercepatkan lagi proses pembangunan dan kemajuan sesebuah negeri, satu lagi aspek pembangunan sosial yang penting ialah kemajuan dalam bidang pendidikan. Kesedaran terhadap kepentingan pendidikan telah menyebabkan berlakunya peningkatan dalam jumlah pelajar termasuklah dalam kalangan anak-anak perempuan. Perkembangan ini telah melahirkan ramai wanita Melayu yang berpendidikan dan bekerjaya sekaligus mengurangkan amalan tradisi masyarakat Melayu yang berkahwin pada usia yang muda. Malah, kuasa ekonomi yang dimiliki wanita Melayu yang bekerjaya menyebabkan mereka tidak lagi terikat kepada tradisi pemilihan jodoh oleh kedua ibu bapa seperti yang dialami generasi sebelumnya. Perkahwinan yang dibina pada usia yang lebih matang apatah lagi dengan pasangan pilihan dilihat sebagai satu ciri penting yang membantu mengekalkan kestabilan rumahtangga apabila jumlah pasangan yang bercerai pada usia muda di antara tahun 1957 hingga 1970 menunjukkan penurunan yang ketara. Selain itu, penurunan kadar perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu juga dilihat berlaku seiring dengan usaha berterusan yang dilakukan Pejabat Agama Islam Negeri Terengganu dalam menangani hal ehwal perkahwinan dan perceraian khususnya dalam meningkatkan kesedaran dan pendidikan agama di kalangan masyarakat Melayu tempatan.

NOTA

1. Sumber utama yang boleh dirujuk untuk kajian sejarah mengenai isu perkahwinan dan perceraian masyarakat Melayu ini ialah fail Pejabat Agama Islam Negeri. Namun, tidak banyak arkib cawangan negeri yang menyimpan fail ini kecuali Johor dan Terengganu. Manakala fail pejabat agama bagi negeri Pahang dan Kelantan pula tersimpan di Arkib Negara Malaysia (ANM) Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun terdapat juga fail pejabat agama atau Mahkamah Kadi bagi daerah-daerah tertentu di

- setiap negeri (tidak meliputi semua daerah) yang tersimpan di ANM cawangan negeri masing-masing. Sebahagiannya pula tersimpan di ANM Kuala Lumpur (iaitu fail pejabat agama bagi kebanyakan daerah di Perak dan Selangor).
2. Abu Talib Ahmad, "Marriage and divorce in Johore among the Malay-Muslims during the Japanese occupation, 1942-45," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* LXXI, part 2. (1998). Kajian ini juga diterbitkan dalam bahasa Melayu dengan tajuk "Perkahwinan dan perceraian di Johor 1942-45: Satu aspek sejarah sosial zaman pendudukan Jepun" yang dimuatkan dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee, *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000), 161-186.
 3. Akhbar Warta Negara misalnya menyatakan bahawa jumlah hitung perceraian yang berlaku di negeri ini telah menunjuk sama tingginya dengan jumlah perceraian yang berlaku di Hollywood, lihat Fail Pejabat Agama Johor 51/54 Pencheriaan di antara Suami Isteri di Sisi Orang Islam Dengan Berlebihan. Sebuah majalah pula melaporkan angka perceraian adalah lebih besar daripada perkahwinan, lihat *Majalah Asmara (versi Melayu-Jawi)*, "Ibu bapakah Yang Menyebabkan Perceraian?" bil. 47 Jun 1958.
 4. Antaranya ialah akhbar Utusan Melayu yang menyiarkan satu ruangan kecil untuk angka nikah cerai di muka hadapan, lihat misalnya akhbar Utusan Melayu bertarikh 16 Februari 1952 yang menyiarkan angka nikah cerai orang Melayu di negeri Johor.
 5. Untuk Kedah, lihat Fail Secretariat Kedah 2489-1373. *Marriage and Divorce List of Muslims*. Ucapan Yang Berhormat Che Bibi Aishah bt. Hamid Don di dalam Majlis Mesyuarat Negeri yang diadakan pada 1 Saffar 1376 bersamaan dengan 6 September 1956. Manakala Johor pula lihat Fail Pejabat Agama Johor 1950-1954. 87/51 Soal daripada Ahli Mesyuarat Negeri Johor berkenaan a) Mahkamah Kathi dan Perceraian b) Baitul Mal c) Zakat dan Fitrah.
 6. Fail Pejabat Agama Johor 51/54 Pencheriaan di Antara Suami Isteri di Sisi Orang Islam Dengan Berlebihan. Surat dari Setiausaha Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Raja-raja Negeri Melayu berkenaan dengan perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan Ugama Islam kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Johor bertarikh 16 Februari 1954.
 7. Lihat Gordon, S., "*Marriage/Divorce in the Eleven States of Malaya and Singapore.*" *Intisari, Research Quarterly of Malaysia* 2(2) (n.d.): 23-32.
 8. Setiu hanya muncul sebagai satu daerah berasingan mulai 1 Januari 1985.
 9. S.U.K.TR. 836/1948. *Income and Living Conditions of Trengganu Malays*, laporan daripada P. O. Hess kepada S.U.K. Negeri Terengganu "*Observations on the Economic and Social Problems of the Peninsula Malay in General and the Trengganu Malay in Particular*" bertarikh 30 September 1948 hlm. 16.
 10. Lihat misalnya KPNLB (P) 382/10. Sungutan Penduduk Kampong Terhadap Pembangunan Luar Bandar Terengganu ANM Malaysia. Surat daripada Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampong, Kampong Laut, Kampong Blukar Jambu dan Kampong Bukit, Kuala Terengganu kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar Daerah Kuala Terengganu "Menukar Jambatan Kayu kepada Jambatan Semen dan Jalan Tanah Kuning kepada Jalan Tar" dan surat daripada UMNO Cawangan Kampung Bukit Mondok, Ulu Terus, Kuala Terengganu kepada YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Hj. Abdul Razak b. Dato' Hussein bertarikh 25 Februari 1971.

11. Lihat KPNLB (P) 382/10. Sungutan Penduduk Kampong Terhadap Pembangunan Luar Bandar Terengganu. Surat Othman b. Awang kepada Inche Abdul Ghafar b. Baba, Menteri Pembangunan Luar Bandar bertarikh 22 Julai 1969.
12. Fisk, E. K., "Features of the Rural Economy," in *The Political Economy of Independent Malaya*, eds. T. H. Silcock and E. K. Fisk (Singapore: Eastern Universities Press Ltd, 1963). Agak menarik juga untuk diperhatikan bahawa hasil pendapatan dari pekerjaan sampingan yang dijalankan sebenarnya telah menyumbang bahagian yang lebih besar dalam jumlah pendapatan para petani. Dalam satu kajian yang dilakukan di sekitar Kuala Terengganu misalnya didapati bahawa sebahagian besar dari punca pendapatan isi rumah diperolehi di luar daripada hasil pertanian. Kajian ini merumuskan bahawa purata pendapatan bulanan mereka ialah sekitar \$88.20 sebulan. Daripada jumlah itu, hasil tanaman padi hanya menyumbang sebanyak \$8.00 sahaja berbanding \$69.00 pendapatan tunai yang diperolehi dari pekerjaan sampingan seperti menarik beca dan menoreh getah. Manakala bakinya iaitu sebanyak \$11.20 adalah hasil pendapatan yang diterima daripada kegiatan bertenun songket, lihat Fisk (1963).
13. Dagang Mohd. Yunus, "Kampung Mengabang Telipot, Kuala Terengganu: Satu Kajian Tentang Perkembangan Ekonomi, Masalah dan Proses Perpindahan Nelayan", in *Terengganu Dahulu dan Sekarang*, ed. Abdullah Zakaria Ghazali (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1984), 187–202. Keterangan lanjut mengenai kesusahan hidup nelayan di salah sebuah perkampungan nelayan di Kuala Terengganu.
14. Isu penderitaan nelayan negeri Terengganu juga dimuatkan dalam akhbar *Majlis* (jawi) dalam tiga keluarannya iaitu bertarikh 1 April 1948 dalam artikel "En. Kamaruddin Membela Nasib Nelayan-nelayan Melayu;" keluaran 5 April 1948 dengan tajuk "Nasib Nelayan dan Bantuannya" dan juga keluaran 9 April 1948 di bawah artikel yang bertajuk "Perikanan Terengganu."
15. S.U.K.Tr. 751/58. Kedudukan Sekolah Raayat di Trengganu ANM Malaysia. Report Rengkas berkenaan dengan Sekolah Raayat dan Guru-Guru Raayat dalam Negri Trengganu.
16. Fail 286/56 Jabatan Pelajaran Terengganu ANM Malaysia. Laporan Sekolah-sekolah Melayu, *A Brief Report on Education Progress in Trengganu for period 1950–1955*. History of Education Progress in Trengganu.
17. Lihat S.U.K.TR. 120/1950. *Education Department Annual Report 1949*, hlm. 1.
18. Lihat S.U.K.TR. 1307/49. Surat Che Abdul Rahman b. Awang kepada Majlis Mesyuarat Negeri Terengganu, "Mengadakan Sekolah-sekolah Inggeris di Tiap-tiap Jajahan Trengganu," bertarikh 25 Julai 1950 dan surat daripada Pegawai Daerah Ulu Trengganu kepada SUK Terengganu bertarikh 18 Februari 1952. Surat ini antara lain menyebut tentang kesedaran dalam kalangan penduduk tempatan mengenai peri pentingnya pelajaran kepada anak-anak mereka. Ia juga mendakwa bahawa ramai pelajar lepasan Darjah IV Sekolah Melayu gagal mendapatkan peluang pekerjaan, justeru memohon diadakan Sekolah Inggeris supaya mereka boleh menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
19. Lihat S.U.K.TR. 1081/1950. Education Department: Annual Report for 1949.
20. Ishak Shari, *Ekonomi Nelayan: Pengumpulan Modal, Perubahan Teknologi dan Pembezaan Ekonomi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990) dan Dagang, "Kampung Mengabang Telipot, Kuala Terengganu." Terdapat beberapa

- penulisan hasil daripada kajian yang membuktikan taraf sosioekonomi golongan ini telah mencapai kemajuan yang lebih baik berbanding zaman sebelum merdeka.
21. Data nikah cerai di Perlis dan Perak tidak lengkap manakala data bagi negeri Kedah pula tidak diperolehi.
 22. Walau bagaimanapun, kadar perceraian yang tinggi nampaknya tidaklah sesuai untuk disifatkan sebagai satu ciri khusus bagi Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NMTB) oleh kerana data perceraian di negeri Johor bagi kedua-dua kumpulan tempoh kajian ini (seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dan 2) menunjukkan sebaliknya.
 23. Pemilihan Terengganu bagaimanapun dibuat kerana isu perceraian masyarakat Melayu Kelantan sudah banyak mendapat perhatian para pengkaji, lihat Tsubouchi Y., "Marriage and Divorce among Malay Peasants in Kelantan," *Journal of South East Asian Studies* 6, no. 2) (1975): 135-150; Che Hashim Hassan, *Marriage and Divorce in Kelantan, Malaysia*, MA diss. (Australian National University, 1984); Nik Ramlah Nik Mahmood, *Muslim Divorce in Kelantan – A Socio Legal Study* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1979).
 24. S.U.K.TR. 845/1954. Religious Dept (1) Annual report 1953 (2) Religious School Hours. Laporan Penyata Tahunan Pejabat Agama Terengganu Bagi Tahun 1953 oleh Tengku Pekerma Wira Pesuruhjaya Agama Terengganu.
 25. "Mengapa Perceraian ini Selalu Merebak di Kalangan Kaum Kita? Mengapa Sebenci-Benci Perkara Yang Halal di Sisi Allah ialah Bercerai ó Tidak Bergoncang Arasy Melainkan Dengan Sebab Perceraian Antara Suami Isteri," dalam *Warta Negara*, Jumaat 26 Rabiul Akhir 1373 bersamaan 1 Januari 1954, hlm. 5.
 26. Lihat K.B. 3/54. Berbagai-bagai dan Surat-surat Salinan dari Pejabat Agama Tahun 1954. Laporan yang disediakan Kadi Besut berhubung dengan isu kadar perceraian yang tinggi di negeri Terengganu kepada Kadi Besar Terengganu bertarikh 11 Julai 1954. Laporan ini disediakan seperti yang diminta oleh Pejabat Agama Terengganu sebagai reaksi kepada tindakan Pejabat Agama Islam Negeri Kedah yang telah mengetatkan undang-undang perceraian negeri itu dengan mengenakan hukuman yang berat kepada lelaki yang menceraikan isterinya sebagai satu langkah untuk mengurangkan kadar perceraian di negeri tersebut.
 27. Lihat K.B 3/54. Berbagai-bagai dan Surat-surat Salinan dari Pejabat Agama Tahun 1954. Ringkasan Peringatan Perjumpaan Penolong-Penolong Pendaftar Nikah Cerai Daerah Kuala Terengganu di Pejabat Agama Pada 11.7.1954.
 28. Lihat S.U.K.Tr. 1199/1948. Trengganu Annual Report 1948; S.U.K.Tr. 120/1950. Education Department: Annual Report for 1949; Fail Jabatan Pelajaran Trengganu 1947-1957.
 29. Lihat P.A.T 439/1372. Report Lawatan-lawatan Kadi Besut; P.U.T 1374-302. Report Lawatan Kadi Dungun 1955.
 30. Lihat P.A.T 439/1372. Report Lawatan-lawatan Kadi Besut. Melawat Masjid Seberang Kastam Besut.
 31. Lihat P.A.T 439/1372. Report Lawatan-lawatan Kadi Besut. Melawat Penarik Setiu.
 32. Lihat P.A.T 439/1372. Report Lawatan-lawatan Kadi Besut. Melawat Setiu dan Bersyarah Agama di Majlis Keramaian Maulud di Sekolah.
 33. Lihat P.A.T 439/1372. Report Lawatan-lawatan Kadi Besut. Melawat Masjid Tembila Besut.

34. Lihat P.U.T 1374 302. Report Lawatan Kadi Dungun 1955. Lawatan ke Masjid-Masjid di Wilayah Dungun.
35. Pindaan dibuat melibatkan 3 perkara iaitu (1) bab nikah syarat 7(1) bersetuju dengan perkataan "barangsiapa yang hendak menikah hendaklah diambil kenyataan yang bertulis daripada pengantin lelaki dan perempuan sebelum akad nikah di dalam borang yang dikhaskan;" (2) bab cerai syarat 8(1) bersetuju diubah perkataan "dihantarkan" kepada perkataan "dibawa sendiri" dan perkataan "Kadi" kepada perkataan "Pendaftar;" (3) semakan dan pindaan pada borang nikah cerai dan rujuk, lihat K.B 29/1962. Perjumpaan Kadi-Kadi Negeri Terengganu bagi Tahun 1963. Peringatan Perjumpaan Kadi-Kadi Kali yang Pertama Bagi Tahun 1964.
36. Lihat K.B 29/1962. Perjumpaan Kadi-Kadi Negeri Terengganu Bagi Tahun 1963. Peringatan Perjumpaan Kadi-Kadi Kali yang Pertama Bagi Tahun 1964.

RUJUKAN

Sumber Primer

Arkib Negara Malaysia

- Fail 286/56 Jabatan Pelajaran Terengganu.
Fail Jabatan Pelajaran Trengganu 1947 1957: Edn.T. 286/56. A Brief Report on Education Progress in Trengganu for Period 1950-1955. History of Education Progress in Trengganu.
Fail Pejabat Ugama Johor 51/54. Pencheraian di antara Suami Isteri di Sisi Orang Islam dengan Berlebihan.
Fail Pejabat Ugama Johor 87/51. Soal daripada Ahli Mesyuarat Negeri Johor berkenaan a) Mahkamah Kathi dan Perceraian b) Baitul Mal c) Zakat dan Fitrah.
Fail Secretariat Kedah 2489 1373. Marriage and Divorce List of Muslims.
K.B 3/54. Berbagai-bagai dan Surat-surat Salinan dari Pejabat Agama Tahun 1954.
K.B 29/1962. Perjumpaan Kadi-kadi Negeri Terengganu bagi Tahun 1963.
KPNLB (P) 382/10. Sungutan Penduduk Kampong Terhadap Pembangunan Luar Bandar Terengganu.
P.A.T 24/1373. Prostitution (Pelacuran).
P.A.T 116/1373. Nasihat Kepada Suami Isteri.
P.A.T 141/1374. Khutbah Nikah dan Nasihat Nikah.
P.A.T 439/1372. Report Lawatan-Lawatan Kadi Besut.
P.U.T 1374 302. Report Lawatan Kadi Dungun 1955.
Pusat Penyelidikan Islam Malaysia. 1975. Perceraian di dalam masyarakat Islam Malaysia. Working paper no. 2. Paper presented at Seminar Kadi-Kadi Seluruh Malaysia, Kuala Lumpur. 10 11 July.
S.A.O.T 204/51. Annual Report 1951.

- S.U.K.TR. (Gen) 386. Religious Department Annual Report.
- S.U.K.TR. 540/1953. Visit of Kadzi's to the Rural Area. Report of. Melawat Masjid Kampung Buluh Ulu Setiu.
- S.U.K.TR. 1104/1953. Progress Report of States Departments.
- S.U.K.Tr. 1199/1948. Trengganu Annual Report 1948.
- S.U.K.Tr. 120/1950. Education Department: Annual Report for 1949.
- S.U.K.Tr. 1081/1950. Education Department: Annual Report for 1949.
- S.U.K. TR. 1307/49. Mengadakan Sekolah-sekolah Inggeris di Tiap-tiap Jajahan Trengganu.
- S.U.K.Tr. 836/1948. Income and Living Conditions of Trengganu Malays.
- S.U.K.TR. 845/1954. Religious Department: (i) Annual Report 1953
(ii) Religious School Hours.
- S.U.K.Tr. 751/58. Kedudukan Sekolah Raayat di Trengganu
- Surat Persendirian Roff, W. R. SP.176. 1959 1966. Data and correspondence Muslim marriage and divorce in Malaysia/Singapore. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.

Sumber Kedua

- Abu Talib Ahmad. 1998. Marriage and divorce in Johore among the Malay-Muslims during the Japanese occupation, 1942 45. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* LXXI Part 2: 63 90.
- _____. 2000. Perkahwinan dan perceraian di Johor 1942 45: Satu aspek sejarah sosial zaman pendudukan Jepun. In *Sorotan terpilih dalam sejarah Malaysia*, eds. Mahani Musa dan Tan Liok Ee, 161 186. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Alang Perang Zainuddin, Abu Daud Silong, Ng Choon Sim and Maimunah Ismail. 1980. *Report marine fishing communities a baseline study of two east coast villages in Peninsular Malaysia, 1979*. Selangor: Centre for Extension and Continuing Education, Universiti Pertanian Malaysia.
- Chamhuri Siwar and Rogayah Ngah. 1979. Some socioeconomic aspects of fishermen in the east coast of Peninsular Malaysia, with reference to the fishing community of Seberang Takir, Kuala Terengganu. In *Economics of aquaculture, seafishing and coastal resource use in Asia*, eds. A. R. Librero and W. L. Collier, 141 164. Manila: Agricultural Development Council and the Philippine Council for Agriculture and Resources Research (ADC-PICARR).
- Chamhuri Siwar and Surtahman Kastin Hasan. 1985. *Ekonomi Malaysia*. Petaling Jaya: Longman.
- Chander, R. 1977. *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970 Jilid 1 – Jadual-jadual asas penduduk bahagian VII – Terengganu*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

- _____. 1975. *Laporan am banci penduduk Malaysia 1970 Jilid 2*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Che Hashim Hassan. 1984. Marriage and divorce in Kelantan, Malaysia. MA diss., Australian National University.
- Dagang Mohd. Yunus. 1984. Kampung Mengabang Telipot, Kuala Terengganu: Satu kajian tentang perkembangan ekonomi, masalah dan proses perpindahan nelayan. In *Terengganu dahulu dan sekarang*, eds. Abdullah Zakaria Ghazali, 187–202. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Department of Statistics. 1956. *Malaya Rubber Statistics Handbook*. Federation of Malaya: Department of Statistics.
- Djamour, J. 1958. *Malay kinship and marriage in Singapore*. London: The Athlone Press.
- Emerson, R. 1993. *Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fell, H. 1957. *Population census report no. 11 state of Trengganu*. Federation of Malaya: Department of Statistics.
- Firth, R. 1990. *Nelayan Melayu: Ekonomi tani mereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1966. *Housekeeping among Malay peasants*. London: The Athlone Press.
- Fisk, E. K. 1963. Features of the rural economy. In *The political economy of independent Malaya*, eds. T. H. Silcock and E. K. Fisk, 163–173. Singapore: Eastern University Press Ltd.
- _____. 1959. The economics of the handloom industry of the east coast of Malaya. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society* 32(4): 10–41.
- Gordon, S. n.d. Marriage/divorce in the eleven states of Malaya and Singapore. *Intisari, Research Quarterly of Malaysia* 2(2): 23–32.
- Ishak Shari. 1990. *Ekonomi nelayan: Pengumpulan modal, perubahan teknologi dan pembezaan ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Izman Ismail. 1984. Masyarakat nelayan Kuala Kemaman 1950–anó1973: Suatu tinjauan ringkas tentang perubahan sosioekonomi. In *Terengganu dahulu dan sekarang*, eds. Abdullah Zakaria Ghazali, 173–186. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Jabatan Perdana Menteri. n.d. *Kajian separuh penggal rancangan Malaysia ketiga 1976–1980*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Jawatankuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar Negeri Terengganu. 1977. *Kemajuan negeri Terengganu 1971–1975*. Kuala Lumpur: Kerajaan Negeri Terengganu dan Jabatan Penerangan.
- Kementerian Pertanian and Sharikat Kerjasama. 1962. *Banchi pertanian Persekutuan Tanah Melayu 1960*. Malaysia: Kementerian Pertanian and Sharikat Kerjasama.
- Khoo, C. G. 1996. Pendidikan wanita di Kelantan dari tahun 1919ó1940. BA academic exercise, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

- Majalah Asmara (versi Melayu-Jawi)*. 1958. Ibu bapakah yang menyebabkan perceraian? bil. 47 June.
- Majlis*. 1948a. Perikanan Terengganu. 9 April.
- _____. 1948b. Nasib nelayan dan bantuannya. 5 April.
- _____. 1948c. En. Kamaruddin membela nasib nelayan-nelayan Melayu. 1 April.
- Ministry of Education Malaysia. 1978. *Educational statistics of Malaysia 1974/75*. Kuala Lumpur: The Ministry of Education Malaysia.
- _____. 1976. *Educational statistics of Malaysia 1973*. Kuala Lumpur: The Ministry of Education Malaysia.
- _____. 1975. *Educational statistics of Malaysia 1972*. Kuala Lumpur: The Ministry of Education Malaysia and Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1973. *Educational statistics of Malaysia 1971*. Kuala Lumpur: The Ministry of Education Malaysia and Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1972. *Educational statistics of Malaysia 1970*. Kuala Lumpur: The Ministry of Education Malaysia and Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1971. *Educational statistics of Malaysia 1969*. Kuala Lumpur: The Ministry of Education Malaysia and Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1970. *Educational statistics of Malaysia 1968*. Kuala Lumpur: The Ministry of Education Malaysia and Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morshidi Sirat. 1993. *Ketidaksamaan ruangan di Semenanjung Malaysia – Satu tinjauan teori berkaitan dan respons kerajaan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- New Sunday Times*. 6 January 2013.
- Nik Ramlah Nik Mahmood. 1979. *Muslim divorce in Kelantan – A socio legal study*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Laily Aziz. 1978. Kajian tentang perceraian dalam masyarakat Islam di Semenanjung Malaysia. Unpublished report. Lembaga Perancang Keluarga Negara, Kuala Lumpur.
- Smith, T. E. 1952. *Population growth in Malaya: An analysis of recent trends*. London: Royal Institute of International Affairs.
- Sulaiman Mahbob. 1983. Masalah dan isu kemiskinan di kalangan orang Melayu satu penilaian program sektor awam. In *Masalah dan prospek ekonomi bumiputera*, eds. Jaafar Muhamad and Abdul Shukur Ariffin, 42-53. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan bin Sin. 1976. *Socio-economic status of Trengganu fishermen – A review*. Kuala Lumpur: Malaysian Centre for Development Studies, Ministry of General Planning and Socio-Economic Research.
- Tsubouchi Y. 1975. Marriage and divorce among Malay peasants in Kelantan. *Journal of South East Asian Studies* 6(2): 135-150.
- Tuan Ruhani Tuan Shariff. 1978. *Sejarah hal-ehwal agama Islam Trengganu semenjak 1900-an hingga 1950-an*. BA academic exercise, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Ungku Aziz. 1959. Kebuluran yang tak ketara di Kuala Kemaman. In *Renchana-rencana ekonomi dan kemiskinan*, eds. Ungku Aziz, 30–45. Singapore: Pustaka Melayu.

Utusan Melayu. 16 Februari 1952.

Yap, K. L. and J. A. Dixon. 1972. *Socio-economic study of padi farms in the Besut*. Terengganu: Pejabat Daerah Besut.